



Kenali
Negara
Kitani

KNK

Negara Brunei Darussalam



KOMPILASI RENCANA KNK 2017

Terbitan:

Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2018

Penyelaras:

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Taip Set/Kompilasi/Susunan:

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Reka Letak/Kulit luar:

Syahi bin Haji Ludin

Penyemak:

Ramlah binti Md.Nor

*F
e
b
r
u
a
r
i*

Kampung Belimbing siap siaga hadapi cabaran ke arah kesempurnaan masyarakat

Rencana dan Foto:
Hezlinawati Haji Abdul Karim

4 Februari 2017



MERCU tanda Kampung Belimbing.



TAHUKAH awda buah tampoi belimbing? Mempunyai pohon pokok yang besar dengan lilitan kira-kira empat pemaluk, buah ini berwarna coklat muda seperti buah tampoi dan bentuknya serupa dengan buah belimbing buluh dan berbelibit di sekelilingnya. Pohonnya sangat ganjil kerana bersisik, di mana pada satu ketika dahulu, pada sebuah kampung hanya sepohon saja yang tumbuh menjadikan para penduduk kampung sepakat untuk nama kampung berkenaan sebagai 'Kampung Belimbing'.

Kampung Belimbing merupakan sebuah kampung yang terkandung di dalam Mukim Kota Batu. Kampung ini termasuk dalam kawasan Bandar Seri Begawan dan terletak 5.5 kilometer dari Bandar. Untuk berkunjung ke kampung ini, kita boleh melalui Jalan Subok dan juga Jalan Kebangsaan/Sungai Akar. Kampung ini bersempadan dengan Kampung Sungai Akar di sebelah Utara, Kampung Sungai Belukut, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Matan di sebelah Timur, manakala Kampung Subok di sebelah Selatan.

Dengan moto ‘Hidup berkampung, bermasyarakat, bernegara, pupuk muafakat membawa berkat, hidup sejahtera’, kampung tersebut terus berkembang maju dengan visi ‘Keluarga riang, masyarakat cemerlang, kampung terbilang’ dan misinya ‘Sentiasa bersiap siaga dalam mendepani berbagai cabaran ke arah kesempurnaan masyarakat’, Kampung Belimbing, sepertimana kampung-kampung lain di negara ini, tidak ketinggalan dalam menerima kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan seperti masjid, jalan raya, bekalan air dan elektrik serta telefon. Tidak kurang menariknya juga, kampung ini mempunyai lagunya yang tersendiri, iaitu ‘Maju Kampungku, Kampung Belimbing’.



KETUA Kampung Belimbing, Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim.

KEJAYAAN KAMPUNG

Diterajui di bawah kepimpinan Ketua Kampung, Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim yang dilantik menjadi Ketua Kampung Belimbing sejak tahun 2005 dan pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara sejak Jun 2011 hingga Ogos 2016, Kampung Belimbing terus mencapai kejayaan dari setahun ke setahun. Antara kejayaan yang dicapai oleh kampung berkenaan adalah Penghargaan Pertama Anugerah Kampung Cemerlang Kali Ke-3 pada tahun 2014 dan menerima hadiah penyertaan 2012. Pernah menjadi johan Landskap Terbersih (bukan kerajaan anjuran Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan) sempena Penukaran Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan pada bulan November 2014 dan naib johan Pertandingan Koir Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri pada bulan Januari 2016. Manakala salah seorang ahli Biro Belia MPK Belimbing telah mengharumkan nama negara setelah menjadi johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Moscow, Rusia pada bulan September 2014 selain pernah menjadi naib johan Musabaqah Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun 2014 dan 2016.

SOKONG PRODUK KAMPUNG

Kampung Belimbing setakat ini belum mempunyai produk khusus di bawah program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) selain Hiking Village. Namun, menurut Awang Haji Gapor, Kampung Belimbing tidak kendur-kendur berusaha mengangkat produk-produk yang dihasilkan oleh para penduduk kampung untuk diketengahkan kepada orang ramai. Antara produk-produk kampung yang diusahakan oleh penduduk kampung tersebut termasuklah hasil kraf tangan, anyaman, pembuatan gasing, madu kelulut dan sebagainya. Produk-produk yang mendapat sambutan menggalakkan baik daripada penduduk tempatan mahupun para pelancong itu ditempatkan di beberapa lokasi tertentu, selain menyertai eksposekspo yang dikendalikan oleh Jabatan Daerah di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

JALIN KERJASAMA

Bagi menjayakan aktiviti-aktiviti di kampung berkenaan, MPK Belimbing menjalin kerjasama dengan beberapa buah sektor kerajaan, iaitu dengan Kementerian Kesihatan, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Penerangan serta Jabatan Belia dan Sukan. Selain itu, MPK Belimbing juga berganding bahu dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Persekutuan Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan SMARTER, BIBD dan sebagainya.

Jalinan kerjasama sedemikian sememangnya dialu-alukan ke arah mencapai tujuan dan mendapat manfaat bersama.

PENGLIBATAN PENDUDUK KAMPUNG

Menyentuh mengenai penglibatan para penduduk kampung dalam aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kampung berkenaan, Awang Haji Gapor menjelaskan beberapa komponen penting, iaitu golongan belia, warga emas dan dewasa saling berganding bahu dan bekerjasama dalam mengadakan apa jua aktiviti yang dikendalikan oleh MPK Belimbing. Antara aktiviti yang dikendalikan ialah bergotong-royong membersihkan kawasan tepi-tepi jalan. Aktiviti seumpama ini seharusnya diberikan pujian kerana ia menunjukkan bahawa para penduduk kampung tidak bersandarkan pada bantuan kerajaan semata-mata untuk mencantikkan kawasan kampung masing-masing malahan mengambil inisiatif tersendiri ke arah membina lagi kawasan tempat tinggal mereka. Dalam erti kata lain mereka bersama-sama menjaga keindahan kampung, di mana ia juga merupakan salah satu tanggungjawab penduduk kampung itu sendiri.

TAMAN RIADAH TASIK SARUBING

Kampung Belimbing mempunyai beberapa kawasan menarik dan bersejarah untuk dikunjungi. Salah satu darinya ialah Tasik Sarubing, di mana mengikut cerita daripada orang-orang tua terdahulu bahawa kawasan ini ialah tempat orang berpadi. Kawasan ini mula dibuka/dirantis oleh beberapa orang penduduk Kampung Belimbing dan seterusnya diusahakan membuat trek/laluan dan mula dibuka pada 25 Disember 2009. Dari sejak tahun tersebut Tasik Sarubing mendapat perhatian orang ramai dan telah dibuka kepada orang ramai dalam acara Pesta Pancing Air Tawar.

Tasik Sarubing telah dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman pada 9 Safar 1432 Hijrah bersamaan 14 Januari 2011 Masihi dan menjadi 'Taman Riadah Tasik Sarubing'.

Taman Riadah Tasik Sarubing terletak berhadapan Klinik Kampung Belimbing dan berhadapan dengan Jalan Utama, berkeluasan 15 ekar serta mempunyai jarak laluan jogging 450 meter. Trek laluan jogging di antara Taman Rekreasi Bukit Markucing dan Taman Riadah Tasik Sarubing telah disatukan dengan kejauhan empat perpuluhan tujuh kilometer (pergi/balik). Trek laluan jogging ini juga telah pun ditembusi dari Taman Riadah Tasik Sarubing hingga menuju ke Taman Tasek Lama, Bandar Seri Begawan dengan kejauhan lebih kurang lapan hingga sembilan kilometer.

PERANCANGAN/HARAPAN

Sebagai perancangan masa depan, beliau menjelaskan pihak MPK merancang untuk menghidupkan semula hadiah galakan pelajar bagi pelajar-pelajar di bawah Kampung Belimbing yang berjaya dalam Peperiksaan 'A' Level, 'O' Level, PSR malahan juga Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

Setelah pemilihan AJK bagi sesi 2016-2021, Awang Haji Gapor berharap agar golongan belia mahupun wanita di kampung berkenaan akan sama-sama melipatgandakan usaha mereka untuk memajukan lagi Kampung Belimbing. Tidak lupa juga kepada Biro Wanita MPK Belimbing yang telah memainkan peranan penting dalam mengetengahkan lagi kampung tersebut melalui penyertaan dalam beberapa peraduan seperti tausyeh, koir dan sebagainya hingga terciptanya lagu khas MPK Belimbing, iaitu 'Maju Kampungku, Kampung Belimbing'.

LAGU: MAJU KAMPUNGKU, KAMPUNG BELIMBING

Kampung Belimbing kampung tercinta
Sejahtera dan bermuafakat
Keluarga riang, masyarakat cemerlang,
Kampung terbilang
Itulah visi kami

Kamilah warga Kampung Belimbing
Bersiap siaga mendepani cabaran
Ke arah kesempurnaan masyarakat
Sebagai pemangkin generasi masa depan

Bersatu padu, bekerjasama
Menanai semangat waja
Membangun kemajuannya...

Majulah kampungku terus maju
Kekalkan perpaduan, pelihara
keharmonian
Sentiasa bergerak bersama
Demi kecemerlangan kampungku

MPK Kiudang kemas kinikan konsep komuniti berasaskan pelancongan

Oleh: Pg. Hajah. Fatimah Pg. Haji. Md. Noor
dengan kerjasama Awang Muhammad Amir bin Haji
Umarali, Timbalan Pengerusi Biro Kemasyarakatan,
Pelancongan dan Perhubungan Awam,
MPK Kiudang

Foto: Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali

10 Februari 2017

PELANCONGAN Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kiudang, Daerah Tutong di dalam menjadikan industri pelancongan yang mampu menjana perekonomian dan kemakmuran masyarakat, telah pun berusaha untuk melestarikan sektor ini bermula pada tahun 2011 melalui produk perkhidmatan eko pelancongan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dengan mengetengahkan Taman Rekreasi Wasai Bedanu sebagai tempat lawatan utama ke Kampung Kiudang.

Menurut Timbalan Pengerusi Biro Kemasyarakatan, Pelancongan dan Perhubungan Awam, MPK Kampung Kiudang, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali melalui pelan transformasi kemajuan Taman Rekreasi Wasai Bedanu yang disediakan berkata MPK berkenaan telah berjaya menarik ramai pelawat dengan menyediakan aktiviti-aktiviti lawatan seperti *jungle tracking* ke gua, Wasai Sapok dan Batu Ampar melawat taman herba dan sebagainya.

Aktiviti lawatan dan pelancongan ini tegasnya mula dikembangmajukan apabila MPK Kiudang menyertai Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) bagi Peringkat Daerah dan Peringkat Kebangsaan anjuran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Usaha bagi memperluaskan aktiviti pelancongan dipergiatkan dengan menghasilkan produk yang menjadi ikonik Kampung Kiudang, iaitu Teh Herba 3MPK. Setelah MPK Kiudang mendapat Anugerah Gangsa, Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan pada tahun 2013 dan sokongan berterusan dari pihak kerajaan khususnya Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang industri pelancongan dimajukan dengan menubuhkan Kumpulan Pengurusan Pelancongan MPK Kiudang yang diketuai oleh seorang pegawai eksekutif yang diberi nama Kiudang Tourism.com.

Melalui pengurusan ini lebih 40 tempat menarik telah pun diperkenalkan serta dimajukan sebagai tempat-tempat lawatan yang mampu menarik pengunjung. Di samping itu katanya, pakej-pakej lawatan telah pun disediakan menerusi Program Lawatan Kampung Kiudang seperti Kenali Kampung Kiudang, iaitu satu (pelancongan) dan dua (pelajaran), Eko Bedanu dan Eko Kembara yang membawa moto “Program Lawatan yang menjanjikan keseronokan dan pengalaman yang menakjubkan”.

Sejak program ini diperkenalkan tegasnya, aktiviti lawatan menampakkan peningkatan sebanyak 30 peratus apabila MPK Kiudang menerima pelawat dalam dan luar negara. Taman Rekreasi Wasai Bedanu, Galeri Ariffin, BASKIM dan Teh Herba 3MPK adalah tempat yang kerap dikunjungi pelawat dan pelancong. Ia bermula pada tahun 2015, Sistem Pengurusan Pelancongan MPK Kiudang telah pun

dikemaskinikan mengikut konsep komuniti berasaskan pelancongan (*Community Based Tourism*) dengan menyediakan program dan pakej-pakej lawatan yang lebih menarik melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat kampung termasuklah memperkenalkan serta mengetengahkan budaya dan warisan sejarah kampung, menyediakan program lawatan yang menyumbang pada konservasi alam semula jadi, menjadikan industri pertanian, produk-produk kampung, persatuan dan badan-badan kegiatan kampung sebagai sebahagian daripada produk perkhidmatan pelancongan berkonsepkan Islam, kotej industri dan agro kampung.

MENYOKONG HASRAT

Melihat betapa pentingnya industri pelancongan pada kemajuan kampung serta bagi menyokong hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah negara maju dalam Wawasan 2035, usaha bagi memantapkan pengurusan dan perkhidmatan industri ini diteruskan dengan menjalinkan kerjasama yang padu dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti Jabatan Kemajuan Pelancongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, memeterai perjanjian MOU dengan Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong, menjalinkan kerjasama niaga dengan ejen-ejen pelancongan tempatan khususnya di dalam membantu dan memberi sokongan di dalam semua aspek.

Ini termasuklah menyediakan Pemandu Pelancong (*Tour Guide*) yang terlatih dalam kalangan masyarakat kampung, menyediakan tempat-tempat penginapan yang selesa, memperkenalkan budaya dengan menubuhkan kumpulan kebudayaan dalam kalangan belia kampung bagi mengadakan persembahan dan demonstrasi, membuka peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti lawatan seperti jualan produk 1K1P, perkhidmatan katering dan pengangkutan serta mempromosi pakej-pakej yang disediakan kepada pelanggan secara komprehensif.

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Atas usaha-usaha MPK Kiudang dalam memperkenalkan serta mengetengahkan budaya dan warisan sejarah kampung telah terpilih di antara 26 penerima anugerah Anugerah ASEAN Community Based Tourism Standard yang disampaikan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong pada 20 Januari 2017 sempena Forum Pelancongan ASEAN bertempat di Hotel Pan Pacific, Singapura.

Anugerah ASEAN Community Based Tourism Standard merupakan inisiatif serta objektif ASEAN untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan di peringkat ASEAN kepada pihak-pihak yang berkepentingan bersama yang mengikut standard yang digunakan oleh negara ahli ASEAN dalam sektor pelancongan khususnya CBT.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah pun mengadakan lawatan audit pada 5 November 2016, yang mana Pelancongan MPK Kiudang adalah layak bagi pencalonan dan seterusnya menerima ASEAN Community Based Tourism Award 2017.


Dengan adanya anugerah dan pengiktirafan ini, ia merupakan petunjuk aras untuk MPK Kiudang terus meneroka peluang-peluang yang ada terutama sekali di dalam menyatupadukan seluruh lapisan masyarakat kampung, mukim, daerah dan di Negara Brunei Darussalam amnya sesuai dengan objektif anugerah yang diterima.

Selain daripada itu, MPK Kiudang akan sentiasa melihat ke hadapan, ini termasuklah merancang dalam mengungkayahkan beberapa program dan projek yang memberikan kesan yang positif pada perubahan minda agar semua pencapaian serta kejayaan dapat diterima menjadi perangsang pada kemajuan dan pembangunan yang berdaya maju dan tahan.



BERSEJARAH ... Penyampaian Anugerah ASEAN Community Based Tourism oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong kepada Timbalan Pengerusi Biro Kemasyarakatan, Pelancongan dan Perhubungan Awam, MPK Kiudang, Awang Muhammad Amir bin Haji Umarali.

Antaranya pencapaian lawatan Industri Pelancongan MPK Kiudang ialah tahun 2014 menerima lawatan delegasi ECHELON Brunei - Singapura dan Brunei - US English Language Enrichment Program (ELEP); tahun 2015, Kampung Kiudang telah pun dipilih sebagai Community Based Ecotourism Site (CBET Site) sempena 12th BIMP-EAGA Join Cluster Meeting di Negara Brunei Darussalam; tahun 2016 lawatan delegasi Singapore Brunei Youth Leadership Program (SBYLEP) dan lawatan dari ASEAN - Korea Centre (AKC) melalui para delegasi Community Based Tourism Program, manakala pakej-pakej lawatan, MPK Kiudang dengan kerjasama Badan Penyelaras dan Promosi Pelancongan Daerah Tutong melalui Program Destinasi Tutong menawarkan tiga jenis pakej lawatan, iaitu Kampung Kiudang Tour - empat jam, Wasai Bedanu Advanture - enam jam dan Kiudang Argo Tour - enam jam.



Kampung Kiudang terletak dalam Daerah Tutong iaitu 38 kilometer dan lebih kurang satu jam perjalanan dari Bandar Seri Begawan. Dengan keluasannya 2,688.02 hektar mempunyai keramaian penduduk seramai 1,197 orang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum, puak dan masyarakat.

Majoritinya adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Ia mempunyai prasarana yang serba lengkap seperti jalan raya, kemudahan awam, sekolah, kedai dan seumpamanya. Asal usul nama Kampung Kiudang adalah berasal dari nama pokok kayu 'Kayudang' mengikut nama panggilan masyarakat Dusun pada zaman dahulu. Manakala nama 'Mungkom' pula ialah perkataan bahasa Bong Mungkom yang bermaksud nama sejenis buah durian.

Majlis Perundingan Kampung Kiudang adalah penerima Anugerah Gangsa Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Tahun 2013. Menghasilkan produk ikonik kampung yang bernama Teh Herba 3MPK melalui projek perekonomian IKIP.

Industri pelancongan merupakan produk perkhidmatan yang dimajukan dengan menyediakan pakej-pakej lawatan yang menarik kepada pelawat dan pelancong.

Antara tempat-tempat yang sering dikunjungi ialah Taman Rekreasi Wasai Bedanu, tempat pemprosesan Teh Herba 3MPK, Galeri Ariffin dan BASKIM.

TAMAN Rekreasi Wasai Bedanu indah dan permai.



Di bawah Ketua Kampungnya, Awang Haji Mohammad Saiful bin Abdullah Anja, kampung ini pernah mengendalikan aktiviti-aktiviti kemasyarakata seperti Karnival Hari Keluarga, Jalan Santai, Festival Kiudang, Program Hari Belia dan sebagainya.



PENGLIBATAN masyarakat kampung di Festival Kiudang 2016.

Vermi Kompos jana ekonomi MPK Panduan 'A'

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto: Syahi Haji Ludin

25 Februari 2017

BAGI mereka yang melibatkan diri dengan dunia pertanian setentunya tidak asing dengan baja vermi kompos (baja cacing) yang memberikan banyak kebaikan pada tanam-tanaman. Namun bagi mereka yang belum mengetahuinya, baja vermi kompos (baja cacing) jika digunakan pada bunga-bunga, sayuran dan buah-buahan akan memberikan banyak kebaikan antaranya dapat memperbaiki struktur tanah, meningkatkan daya menahan air dan memperkayakan tanah dengan mikroorganisma. Selain itu, vermi kompos (baja cacing) juga dapat mempercepat percambahan biji benih dan pembesaran tumbuh-tumbuhan yang sihat, meningkatkan kualiti dan hasil tanaman.

Menyedari akan potensi yang dapat diperolehi melalui baja berkenaan serta manfaat yang diberikan dengan penggunaan baja tersebut pada tanam-tanaman, maka Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pandan 'A' telah menjadikannya sebagai satu produk perekonomian kampung tersebut di bawah program Satu Kampung Satu Produk.

Pengerusi Projek Perekonomian MPK Pandan 'A', Awang Haji Ali bin Mat menjelaskan, beliau mempelajari teknik bagi menghasilkan baja vermi kompos itu dari Selangor, Malaysia dengan hanya berkomunikasi melalui telefon bersama salah seorang yang pakar dalam pemeliharaan cacing bagi menghasilkan baja vermi kompos.



PENGERUSI Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pandan 'A', Awang Haji Ali bin Mat.



MEMELIHARA cacing-cacing untuk menghasilkan baja Vermi Kompos memerlukan kerajinan dan tidak boleh dilakukan dengan hanya sambil lewa.

Memelihara cacing-cacing ini jelasnya, memerlukan kerajinan dan tidak boleh dilakukan dengan hanya sambil lewa sahaja. Beliau menjelaskan, cacing-cacing peliharaannya akan diberi minum air gula seminggu sekali, malahan dimandikan setiap pagi. Dalam menjayakan projek tersebut, mereka memelihara cacing-cacing pelbagai jenis antaranya Blue Worm, African Worm dan Red Ridgleer yang mana cacing-cacing tersebut memakan bahan-bahan buangan seperti daun-daun, *tray* telur dan mukah kulat.



SALAH satu alat yang digunakan untuk pemprosesan.

SEJARAH RINGKAS PROJEK

Mengimbas sejarah ringkas projek berkenaan, Awang Haji Ali menjelaskan projek bermula pada bulan Jun 2010 di kawasan rumah salah seorang Ahli MPK Pandan ‘A’, Awang Kifrawi bin Haji Maaruf, yang tinggal dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan ‘A’, Kuala Belait dengan membiakkan kira-kira satu kilogram hingga 11 kilogram cacing. Cacing-cacing tersebut berjaya menghasilkan baja kompos sejumlah 200 kilogram baja. Pada bulan Ogos 2010, projek berpindah ke kawasan rumah Awang Haji Ali di mana sebuah pondok sementara bernilai kira-kira BND845 telah dibina dan pembiakan cacing-cacing berjalan dengan jayanya. Pada tahun 2014, sebuah bangunan kekal siap dibina dan digunakan untuk menternak cacing-cacing bagi menghasilkan baja kompos, bertempat di sebuah kawasan lapang di Simpang 29-10, RPN Kampung Pandan ‘A’.

Projek juga dijayakan dengan bantuan peralatan yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Mesin pengisar makanan cacing disumbangkan oleh Ketua Kampung Pandan ‘A’, manakala benih cacing pula diberi bantuan oleh Jabatan Daerah Belait.

MENDAPAT SAMBUTAN

Baja vermi kompos yang dihasilkan oleh MPK Pandan ‘A’ ini memang mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pengguna baja. Bagi satu bungkus (berat 1kilogram) dijual dengan harga BND3. Kepada para pelanggan yang ingin mendapatkan bekalan baja kompos bolehlah datang sendiri mendapatkan bekalan tersebut di pondok berkenaan. Selain itu, baja juga dibekalkan kepada penjual-penjual bunga di Tudong Saji ataupun semasa ekspo-ekspo jualan anjuran Majlis-majlis Perundingan Mukim/Kampung dan juga jabatan-jabatan kerajaan.

Kampung Pandan ‘A’ termasuk di dalam Mukim Kuala Belait di bawah kepimpinan Ketua Kampung, Awang Sulaiman bin Haji Udin yang dilantik sebagai Ketua Kampung Pandan ‘A’ pada bulan Mei 2005. Ketika ini, Kampung Pandan ‘A’ mempunyai seramai lebih 5,800 orang penduduk yang majoritinya terdiri daripada bangsa Melayu selain bangsa Cina, Iban dan lain-lain. Adalah diharapkan para penduduk kampung berkenaan akan terus saling bersatu padu dan bekerjasama ke arah mengembangkannya lagi perekonomian kampung tersebut dan sekali gus membantu kerajaan dalam menjana ekonomi negara.

Kampung Pandan ‘B’ pernah dianugerahkan Kampung Indah dan Bersih

Oleh: Hadiwansuaikalman Haji Mohd. Diah
Foto: Syahi Haji Ludin

25 Februari 2017



***KETUA** Kampung Pandan 'B', Awang Haji Abdul Malik bin Haji Abu Bakar.*

KAMPUNG Pandan 'B' ditubuhkan pada tahun 2007 apabila pada tahun 2006 dibukakan calon untuk menjadi ketua kampung dan ketika itu Kampung Pandan dipecahkan kepada 3 bahagian, iaitu Kampung Pandan 'A', Kampung Pandan 'B' dan Kampung Pandan 'C'. Pada masa itu, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Abu Bakar dicalonkan untuk menjadi Ketua Kampung Pandan 'B' dan pada 23 Jun 2007, Awang Haji Abdul Malik telah dilantik menjadi Ketua Kampung Pandan 'B'.

KERAMAIAAN PENDUDUK

Keramaian penduduk di Kampung Pandan 'B' hampir mencecah 6,000 orang. Dari jumlah tersebut 400 lebih orang menerima pencen tua, 22 orang menerima bantuan kebajikan, 10 orang menerima bantuan orang gila dan seorang kurang penglihatan. Penduduknya terdiri daripada pelbagai masyarakat iaitu Puak Belait, Tutong, Kedayan, Melayu, Tutong, Iban, Cina dan juga India. Penduduk yang tinggal di Kampung Pandan 'B' bekerja dengan sektor kerajaan dan juga swasta.

KEMUDAHAN ASAS

Kampung Pandan 'B' serta kawasan sekitarnya juga menerima kemudahan asas yang diberikan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti bekalan air bersih, bekalan elektrik dan jalan raya selain daripada kemudahan awam, contohnya bangunan prasarana yang telah disediakan di kampung tersebut. Di Kampung Pandan 'B' juga ada mempunyai beberapa peringkat sekolah seperti sekolah rendah satu, sekolah menengah satu, dua buah sekolah swasta.

AKTIVITI KAMPUNG

Mereka juga ada mengadakan beberapa aktiviti yang dapat meningkatkan silaturahim di antara satu sama lain seperti kejiranan kampung yang melibatkan belia-belia di kampung tersebut dan juga ada melakukan aktiviti yang berfaedah contohnya melakukan aktiviti sukan seperti futsal dan juga sepak takraw agar belia-belia dapat mengisi masa lapang dengan sebaik-baiknya. Mereka juga ada mengadakan Bengkel Dikir Syarafil Anam, iaitu dikir Brunei lama bagi Majlis Perundingan Kampung Pandan Daerah Belait anjuran Majlis Perundingan Kampung Pandan 'B' dengan kerjasama bahagian institusi mukim dan kampung Jabatan Daerah Belait pada tahun 2012.

EKONOMI

Dari segi ekonomi pula, penduduk di Kampung Pandan 'B' juga ada menjalankan pelbagai perniagaan kecil-kecilan untuk menyara dan menambah sumber rezeki mereka masing-masing seperti membuat rumah kedai yang menjual barang-barang keperluan, membuat restoran, perkhidmatan mencuci kereta, menjual nasi katok yang bermacam-macam perisa, menyediakan tempat menyewa pakaian pengantin dan bermacam-macam lagi. Dengan melakukan perniagaan begini ini akan dapat membantu meningkatkan ekonomi negara dengan penurunan kadar pengangguran dalam kawasan tersebut.

PENCAPAIAN KAMPUNG

Kampung Pandan 'B' juga menerima beberapa pencapaian kampung, iaitu pada tahun 2014, Kampung Pandan 'B' telah memenangi anugerah kebersihan dan keindahan bagi kawasan Rancangan Perumahan Negara Sempena Hari Mesra Pelanggan 2014 dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang menunjukkan kebersihan adalah salah satu perkara yang penting diterapkan kepada penduduk di Kampung Pandan 'B' supaya persekitaran sentiasa bersih. Kampung Pandan 'B' juga memenangi Pertandingan Dikir Peringkat Negara Bagi Mukim-Mukim Tahun 2015, iaitu johan bagi pasukan lelaki manakala bagi pasukan wanita pula mereka telah mendapat tempat ketiga.

M

a

c

Menyusur ke Mukim Sukang

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid

4 Mac 2017

BILA menyebut Mukim Sukang setentunya pembaca membayangkan ia sebuah tempat yang jauh di pedalaman, terpencil dan diliputi oleh hutan belantara yang setentunya sukar untuk dikunjungi. Mukim Sukang ditadbir oleh Awang Haji Mohd. Noh bin Datu Maharaja Setia Dian, selaku Pemangku Penghulu Mukim sementara kampung-kampung di bawah tadahannya ialah Kampung Sukang, Kampung Biadong Ulu, Kampung Buau, Kampung Bang Taong@Apak-Apak, Kampung Biadong Tengah, Kampung Kukub dan Kampung Dungun.

Keluasan Mukim Sukang ialah 821.245 kilometer persegi dan mempunyai seramai 586 penduduk. Kampung Sukang mempunyai 88 penduduk, Rumah Panjang Biadong Ulu 54 orang, Rumah Panjang Buau 160 orang, Rumah Panjang Bang Taong atau dulu dikenali sebagai Kampung Apak-Apak dihuni oleh 129 orang, sementara Rumah Panjang Punan didiami oleh 86 penghuni, Kampung Biadong Tengah hanya ada dua orang penduduk manakala di Kampung Kukub mempunyai 40 orang dan Kampung Dungun mempunyai 27 penduduk kampung. Walaupun berbilang kaum dan menganut agama yang berlainan, mereka hidup dalam suasana yang aman damai dan harmoni serta sentiasa mengamalkan hidup bersatu padu.

Kampung Sukang merupakan kampung yang terletak di hujung sekali di antara kampung-kampung di bawah tadahan Mukim Sukang. Untuk sampai ke sana memakan masa 1 jam 40 minit dari Sungai Liang tertakluk kepada keadaan jalan raya dan cuaca dengan menggunakan kereta pacuan empat roda. Jika menggunakan bot dari Sungai Mau akan mengambil masa 2 jam.

Ada beberapa buah rumah panjang di Mukim Sukang antaranya Rumah Panjang Biadong Ulu, Rumah Panjang Buau, Rumah Panjang Punan dan Rumah Panjang Bang Taong @Apak-Apak. Rumah Panjang Bang Taong adalah sebuah rumah panjang moden yang dibina daripada konkrit dan mempunyai hiasan dalaman yang menarik perhatian pengunjung.

PRASARANA DAN KEMUDAHAN

Meskipun jauh di pedalaman, namun tidak bermakna Mukim Sukang terpinggir berbanding dengan kampung-kampung lain di Daerah Belait. Penyediaan kemudahan asas yang terbaik untuk masyarakat merupakan agenda utama kerajaan dan tidak pernah diabaikan.

Pihak kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya di mana jalan di Kampung Buau hingga membawa ke Kampung Biadong telah pun dinaik taraf sementara selebihnya masih dalam proses penaiktarafan. Tangki air Bukit Bang Taong yang telah siap dibina akan membekalkan air bersih untuk kegunaan penduduk-penduduk yang sebelum ini menggunakan air sungai yang dimasak sebagai air minum dan untuk memasak.

Bagi mereka yang hendak berkunjung ke Mukim Sukang tidaklah perlu berasa bimbang untuk mencari rumah penginapan kerana terdapat Dewan Serbaguna dan Rumah Persinggahan Kerajaan yang terletak di Kampung Sukang yang sering digunakan oleh para pengunjung yang bermalam di kampung ini yang dilengkapi dengan kemudahan asas seperti air dan elektrik yang dijana melalui generator.

Dengan keramahan penduduknya, sudah pasti kita tidak merasa asing untuk datang bertamu atau bermalam di sana.

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatan di bawahnya tidak kendur-kendur untuk memeduli kebajikan dan kemaslahatan penduduk di pedalaman termasuk mereka yang bermastautin di Mukim Sukang. Terdapat sebuah balai ibadat di Kampung Sukang yang dilengkapi dengan tandas, tempat berwuduk, generator dan bilik imam. Saudara-saudara baharu juga diberikan bimbingan agama Islam dan bantuan seperti generator, keperluan asasi melalui MUIB dan Pusat Da'wah Islamiah.

Di kampung ini juga disediakan Tanah Perkuburan Islam khusus bagi penduduk yang beragama Islam di Mukim Sukang dan Mukim Melilas. Kawasan Mukim Sukang sentiasa dipantau oleh pihak-pihak yang berkenaan termasuk pihak Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei memandangkan lokasinya terletak jauh di kawasan pedalaman Kuala Belait bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku sama ada dari luar ataupun dalam sempadan seperti pencuri kayu gaharu dan sebagainya. Pihak berkuasa sentiasa membuat rondaan di kawasan-kawasan berkenaan dan terdapat juga sebuah pos polis bagi menjaga keselamatan mukim tersebut.



SEBUAH sekolah rendah yang dinamakan Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian, Sukang.

Di kampung ini juga mempunyai sebuah sekolah rendah yang dinamakan Sekolah Rendah Datu Maharaja Setia Dian, Sukang dan tiga buah rumah guru-guru berdekatan dengan sekolah berkenaan. Terdapat sebuah Klinik Kesihatan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk di mukim ini untuk menerima pemeriksaan kesihatan.



TANGKI air Bukit Bang Taong yang telah siap dibina akan membekalkan air bersih untuk kegunaan penduduk-penduduk yang sebelum ini menggunakan air sungai yang dimasak sebagai air minum dan untuk memasak.



DI ANTARA kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk Mukim Sukang (atas dan bawah).



PRODUK

Kebanyakan penghuni rumah panjang ini mengamalkan jenis ekonomi sara diri seperti bercucuk tanam, mengusahakan sawah padi, buah-buahan dan menghasilkan kraf tangan. Penduduk-penduduk di mukim ini sangat kreatif dalam menghasilkan kraf tangan seperti anyaman bakul daripada rotan, buluh dan kayu seperti pembuatan takiding, ulu pamarang, gagawi, candas, tindulang (tudung saji), nyiru dan lain-lain lagi sebagai produk mukim. Produk-produk tersebut bukan sahaja dipamerkan di rumah penghulu mukim dan juga di rumah-rumah panjang dan juga dalam ekspo atau pameran yang diadakan di Daerah Belait. Ke arah menggerakkan Program Satu Kampung Satu Produk ini, Mukim Sukang telah menubuhkan Majlis Perundingan Mukimnya sendiri yang memainkan peranan sebagai badan penggerak dan menjadi pemangkin kepada kepimpinan peringkat akar umbi yang mantap.

PENUTUP

Keindahan Mukim Sukang yang masih diliputi dengan kehijauan hutan, flora dan fauna sudah setentunya akan menggamit hati kita untuk berkunjung ke sana tambahan lagi dengan keramahan dan senyuman penduduk-penduduknya yang sentiasa mengalu-alukan kedatangan tetamu mereka.

Sesiapa yang belum pernah sampai ke sana perlulah mencuba menerokai dan merasai perjalanan yang menjanjikan pengalaman indah ini sekurang-kurangnya untuk lari buat seketika daripada hiruk-pikuk kenderaan di bandar, menghirup udara segar hulu pedalaman yang masih belum tercemar dan suara cengkerik dan unggas rimba menjadi halwa telinga pada waktu malam.

Perkenalkan negara melalui makanan

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto: Azmah Haji Ahad, IG Soto PABO

18 Mac 2017

KENALI Negara Kitani kali ini membawa para pembaca melihat keistimewaan yang terdapat dalam dua buah kampung yang terletak di Mukim Kota Batu, iaitu Kampung Kota Batu dan Kampung Pintu Malim. Di bawah jagaan Ketua Kampung Kota Batu, Awang Haji Damit bin Haji Ladin, yang juga Pemangku Ketua Kampung Pintu Malim dan Kampung Sungai Lampai, kampung-kampung tersebut tidak jauh bezanya seperti kampung-kampung lain di negara ini yang menerima kemudahan prasarana dari pihak kerajaan apatah lagi kampung-kampung tersebut terletak tidak jauh dari pusat bandar. Kampung-kampung itu juga mempunyai sejarah tersendiri, namun penulis tidak akan menyentuh mengenai sejarah kampung-kampung berkenaan.

SOTO PABO

Jika tidak mengenai sejarahnya, jadi apakah yang menjadi tarikan di kampung-kampung berkenaan? Bagi para penggemar hidangan soto, pernahkah awda mengunjungi salah sebuah kafe di Kampung Pintu Malim? Terletak tidak jauh dari Masjid Kampung Pintu Malim, Kafe De Hayat memang tidak asing lagi bagi para penduduk sekitarnya. Apakah yang menariknya tentang kafe tersebut? Melihat dari jauh, memang tidak nampak keistimewaannya, seperti rumah-rumah biasa lainnya dengan hanya perbezaan ruang beranda yang tersusun rapi dengan kerusi, meja, layaknya seperti sebuah restoran.

Dengan *signature food* - Soto PABO, kafe tersebut dimiliki oleh Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Othman. Menurut beliau, PABO merupakan singkatan namanya sendiri di mana nama PABO itu juga merupakan idea dari rakan-rakannya. Beliau memulakan perniagaan di kafe tersebut dengan gabungan modal bersama isterinya, iaitu sebanyak BND300 seorang dan kini mereka mempunyai aset sebanyak BND70 ribu. Katanya lagi, setiap keuntungan yang diperolehi dari perniagaannya digunakan untuk menambahbaik lagi struktur restorannya seperti membaik pulih ruang dapur agar dapat memenuhi syarat-syarat berniaga seperti yang dikehendaki oleh agensi-agensy yang berkenaan.



KAFE De Hayat yang terletak di Kampung Pintu Malim.

SAMBUTAN MENGGALAKKAN

Menu-menu yang terdapat di kafe ini memang mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai yang datang bukan hanya dari dalam negara malahan dari luar negara. Apa yang begitu membanggakan menurut Pengiran Abu Bakar, beliau pernah menerima tempahan awal dari pengujung luar negeri sebelum mereka datang ke negara ini semata-mata ingin merasakan keenakan menu yang terdapat di kafanya itu yang telah dipromosikan melalui media sosial. Itu menunjukkan kafe beliau bukan hanya terkenal di negara ini malahan sudah mendapat nama di luar negara. Selain itu, kafe ini juga pernah menjadi lokasi penggambaran bagi segmen-segmen mengenai makanan, terbitan beberapa stesen televisyen tempatan dan juga negara luar seperti Malaysia dan Singapura yang sekali gus akan memperkenalkan negara kita di dunia serantau dan antarabangsa.



PEMILIK Kafe De Hayat, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Othman ketika ditemu bual oleh hos Program Street Food ASEAN yang disiarkan di RTM.



KAFE De Hayat bukan hanya berjaya menambat hati para pengunjung tempatan malahan juga berjaya mencuri hati para pengunjung dari luar negara.

PEGANGAN HIDUP/PERANCANGAN MASA DEPAN

Mengamalkan sikap tidak suka berputus asa telah membawa Pengiran Abu Bakar mencapai kejayaan hingga ke tahap ini selain sentiasa berusaha dan mencari jalan bagi mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Selain itu beliau juga menanamkan sikap yakin bahawa dengan berusaha dan berdoa pasti akan memperoleh kejayaan.

Pernah jatuh bangun dalam dunia perniagaan, Pengiran Abu Bakar menjadikan pengalaman lalu sebagai iktibar baginya. Menceritakan kisah lalu, Pengiran Abu Bakar ketika itu menaruh sepenuh kepercayaan pada kakitangan/pekerjanya yang berasal dari luar negara bagi menjalankan aktiviti bisnesnya.

Akhirnya kepercayaan terhadap orang luar telah membawa kerugian kepada bisnes beliau sendiri. Sebab itulah dalam perniagaan yang dijalankannya ketika ini, semua hal ehwal pengurusan dan perkhidmatan di kafe dijalankan oleh beliau suami isteri dengan dibantu oleh anak-anaknya. Apa yang lebih membanggakan, para pekerja beliau semua terdiri dari warga tempatan yang sekali gus memberikan peluang pekerjaan kepada pencari kerja yang minat dalam bidang seperti ini.

Bagi mereka yang dedikasi dan komited dengan apa yang dilakukan, pasti mereka mempunyai perancangan yang tersendiri. Begitu juga dengan Pengiran Abu Bakar yang berhasrat ingin membesarkan lagi ruang kafanya dan mengambil lebih ramai lagi anak-anak tempatan untuk bekerja dengannya.

SARANAN DAN HARAPAN

Menyentuh dengan saranan kerajaan agar para graduan bergiat aktif dalam bidang keusahawanan, Pengiran Abu Bakar menyambut baik saranan tersebut di mana dengan demikian anak-anak tempatan tidak akan berharap pada sektor kerajaan semata-mata untuk menyediakan ruang pekerjaan. Namun, yang menjadi persoalan menurutnya ialah, selaku lepasan graduan maka untuk mendapatkan modal setentunya akan menjadi satu isu yang tidak sepatutnya dipandang ringan. Oleh itu, beliau menasihatkan agar mereka yang berminat dengan bidang keusahawanan agar memulakan perniagaan secara kecil-kecilan sepertimana yang beliau lakukan ketika ini.

Beliau juga menasihatkan kepada mereka yang berminat dalam bidang keusahawanan agar tidak terus melabur secara besar-besaran sekiranya memiliki kewangan yang mencukupi.

“Sebaiknya kita memulakan perniagaan dari kecil-kecilan dahulu sebelum mengembangkannya. Nya orang kitani, ‘jangan terajun-terajun pucuk’ yang bermakna jangan melakukan sesuatu itu tanpa perancangan. Kita mesti ada perancangan bagaimana untuk melaburkan kewangan yang dimiliki,” ujarnya.

Kepada pihak-pihak tertentu pula, Pengiran Abu Bakar berharap agar mereka akan menyokong mana-mana pengusaha tempatan yang mempunyai potensi dengan memberi sokongan moral agar para pengusaha di negara ini akan lebih berkembang maju dan dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau juga berharap agar perniagaannya akan terus berjaya bukan hanya di dalam negara malahan juga dikenali ke luar negara.



ANTARA menu yang menggamit selera para pengunjung di Kafe De Hayat, Kampung Pintu Malim.

*A
p
r
i
l*

Kampung Putat hasilkan pelbagai produk

Rencana: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor/Morshidi,
Noriah Haji Abdul Hamid

1 April 2017



PEMANDANGAN di Taman Herba yang mempunyai lebih 60 spesies herba.

SEPANJANG perjalanan lebih kurang 45 minit dari Bandar Seri Begawan, sampailah ke destinasi yang dituju, iaitu Kampung Putat, Mukim Lumapas, kampung yang aman dan tenteram, jauh daripada kesibukan hiruk-pikuk pembangunan dan pencemaran alam dan memang terkenal dengan taman herbanya.

Kawasan taman herba hanya beberapa meter sebelum sampai ke kawasan sungai. Suasana sekitar kampung yang menghijau dengan tumbuhan asli sangat sesuai untuk beriadah.

Taman Rekreasi Herba Kampung Putat mula beroperasi pada bulan Mac 2010 telah diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampung Putat dan semua penduduk secara bergotong-royong adalah salah satu tempat riadah yang paling menarik untuk dikunjungi. Pelbagai jenis pokok herba tumbuh menghijau di taman tersebut.

Taman yang dihiasi dengan pondok tempat duduk dan tempat penyalai ikan dan ayam, denai bersemen, bangku serta kemudahan yang lain sudah disediakan untuk para pengunjung. Kesejukan hawa yang dirimbuni pepohon menghijau berserta deretan pokok-pokok herba menghiasi alam menambahkan lagi kesegaran taman ini dengan air hujan sebagai penyubur tanah dan menggilap kesegaran dedaun herba.

Projek utama Taman Herba Kampung Putat antaranya adalah untuk: Memupuk kerjasama dalam kalangan penduduk-penduduk Kampung Putat, Memperkenalkan herba-herba yang terdapat di kampung ini serta kegunaannya sebagai perubatan tradisional, Mengekalkan herba-herba supaya tidak pupus.

Sebagai satu kajian untuk penduduk kampung dan juga masyarakat umumnya terutama sekali institusi pengajian tinggi menanamkan kesedaran dalam kalangan masyarakat betapa pentingnya biodiversiti. Sebagai tempat riadah dan sebagai satu tarikan dan menjadi ekopelancongan.

Pada masa ini, terdapat lebih 60 spesies herba yang sudah ditanam di taman ini yang datangnye dari daerah-daerah lain dan luar negeri. Taman ini menyediakan beberapa kemudahan seperti pondok berehat, tempat penyalai, trek jogging dan terdapat juga alat terapi yang berguna untuk kesihatan kaki awda.

Daripada namanya juga awda dapat mengetahui bahawa taman ini memiliki pelbagai tumbuhan herba yang banyak memberikan pengetahuan dan khasiat yang berguna bagi para pengamal perubatan kampung dan tradisi, kita jua akan dapat mengenali nama dan jenis-jenis pohon herba yang didapati di tempat ini.



SALAH satu jenis daun dipanggil buas-buas panalan (sinaran bulan) dapat menyembuhkan pelbagai penyakit seperti kanser.

SUMBER PENDAPATAN

Di samping digunakan sebagai kawasan bersukan dan beriadah ia juga sebagai tempat mempelajari dan membuat kajian tentang kepelbagaian jenis herba dan kegunaannya di taman ini.

Semangat dan keyakinan yang dapat dilihat menerusi inisiatif Kampung Putat membina dan mengembangkan Taman Rekreasi Herba sejak ditubuhkan hampir tujuh tahun lalu telah menarik ramai pengunjung sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Beberapa hasil produk keluaran kampung termasuk penanaman pokok-pokok herba yang antaranya terdiri daripada Pelibas Putih, Pelibas Kuning, Kunyit Hitam, Tongkat Ali, Ambuk Sikumbang dan bermacam lagi jenis tanaman herba yang dihasilkan di kampung berkenaan. Pelibas Kuning atau Putih yang digunakan untuk menawar keracunan makanan dan penyakit uri juga ditanam.

Selain itu, penghasilan pelbagai jenis minyak herba seperti Minyak Bidara, Minyak Kunyit Hitam, Minyak Sirih Merah dan pelbagai lagi jenis minyak yang terdiri dari tanaman herba.

Kita amat kagum dengan semangat usaha penduduk-penduduk dalam bidang seni kreatif juga menyediakan kuih-muih yang mampu menjadi sumber pendapatan, dan ruang untuk meningkatkan lagi produk-produk kampung ini supaya ia dapat dimajukan lagi bagi menembusi pasaran dalam dan luar negara.



KAUM wanita juga aktif membuat kuih-muih untuk sumber pendapatan.

MENGEKALKAN

Apa yang membanggakan penduduk-penduduknya yang dipimpin oleh Ketua Kampungnya, Awang Haji Jumat bin Akim, dapat mengekalkan hubungan kekeluargaan yang tulen yang sudah sekian lama terjalin dalam semua peringkat usia, di samping kerjasama gotong-royong, bantu-membantu di antara satu dengan yang lain sudah sememangnya menjadi keutamaan dalam hidup bermasyarakat di Kampung Putat.



PELBAGAI jenis kraf tangan seperti takiding dan nyiru dihasilkan oleh penduduk Kampung Putat.



PRODUK-PRODUK dari jenis kayu yang diperolehi dari Taman Herba Kampung Putat berjaya dihasilkan terdiri daripada sudu dan gagawi.

*A
p
r
i
l*

Kampung Labu Estate destinasi tarikan pelancong

Oleh: Muhd. Huzmi Lawi, penempatan mahasiswa
dari Universiti Brunei Darussalam

Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor, Muhd. Huzmi Lawi

8 April 2017

KAMPUNG Labu Estate terletak di Mukim Labu, Daerah Temburong, kira-kira 15 kilometer dari Pekan Bangar dan mempunyai keluasan 7.2132 kilometer persegi. Kampung tersebut ditadbir oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir sejak bulan Disember tahun 2014 sebagai ketua kampung.

Kampung Labu Estate sebagaimana kampung-kampung yang lain juga mempunyai beberapa prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti Sekolah Rendah Labu Estate, sebuah masjid yang dikenali sebagai Masjid Kampung Labu, bekalan api elektrik, air dan sebagainya.

SEJARAH AWAL

Sejarah awal pembukaan Kampung Labu bermula dengan penempatan awal sekumpulan puak Murut yang mendiami sebuah kawasan di hulu Sungai Labu pada Kurun Ke-19 yang juga mendiami beberapa kawasan lain seperti di Sungai Senukoh, Sungai Sipal dan Sungai Meragang (sebagaimana catatan Awang Haji Metussin bin Aliakhtar, Sejarah Ringkas Asal Usul Kampung Labu Estate untuk Bengkel Pengumpulan Sejarah Lisan di Daerah Temburong pada 10 - 15 Oktober 1968).

Penempatan di hulu Sungai Labu itu kemudiannya berkembang apabila berlakunya aktiviti migrasi penduduk dari luar daerah yang begitu tertarik dengan perusahaan pertanian di kampung itu dan kemudiannya mendirikan rumah di tebing Sungai Labu sehinggalah berkembang maju menjadi sebuah kampung dinamakan Kampung Labu.

Menurut dari temu bual penulis dengan Ketua Kampung Labu Estate, Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir menyatakan, Kampung Labu adalah bersempena dengan nama yang diberikan oleh pengusaha estet getah di kampung itu iaitu Labu Estet (Labu Estate). Nama Labu Estate digunakan secara meluas dalam segala pengurusan estet termasuk alamat surat-menyurat, malahan penduduk kampung juga menggunakan nama itu sebagai merujuk kampung mereka.

MUZIUM TAPAK TERBUKA (OPEN-AIR MUSEUM)

Projek Jambatan Temburong yang akan menghubungkan Jalan Utama Mentiri di Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Jalan Labu Estate di Daerah Temburong dengan merentasi Teluk Brunei dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2019 itu nanti sedikit sebanyak akan memberikan sumbangan yang besar ke arah pertumbuhan ekonomi di Daerah Temburong umumnya. Bagi Kampung Labu Estate sekurang-kurangnya akan menjadikan kampung tersebut sebagai salah satu destinasi yang berpotensi untuk menjadi tarikan pelancong.

Antara tempat-tempat yang menarik yang terdapat di Kampung Labu Estate ialah tempat bersejarah dikenali sebagai tapak Industri Getah Labu Estate. Tapak Industri Getah Labu Estate ini merupakan Muzium Tapak Terbuka (*Open-Air Museum*) yang telah dilancarkan pada 5 Ogos 2010 oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong pada masa itu iaitu Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Muhammad.


Sebagai Muzium Tapak Terbuka (*Open-Air Museum*), tapak Industri Getah Labu Estate antara lain memperlihatkan pemprosesan getah dan memperlihatkan pameran mengenai fungsi bangunan dan peralatan yang terdapat di sekitar kawasan tersebut untuk kunjungan orang ramai, para pelajar dan pelancong luar negara.

Getah mula ditanam di Sungai Labu pada tahun 1908 oleh seorang pengusaha berbangsa Eropah bernama Mr. Abrahamson dan mula ditoreh pada tahun 1914. Perusahaan penanaman getah adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada pertambahan penduduk di kampung tersebut.

Penghasilan getah di Kampung Labu Estate ini meningkatkan pendapatan negara pada masa itu yang sebelumnya banyak bergantung kepada hasil-hasil tanaman hutan seperti balak, getah jelutong dan sagu untuk dieksport ke luar negeri.

Kejayaan Kampung Labu Estate sebagai salah sebuah pengeluar utama getah negara telah menyebabkan estet tersebut mengambil pekerja-pekerja buruh tempatan dan luar negeri.

Menurut sejarah lisan, pada tahun 1930-an jumlah penduduk Kampung Labu Estate ialah lebih kurang seramai 700 orang dan sebahagian besarnya pekerja-pekerja estet yang dianggarkan seramai 500 orang. Di sini jelas membuktikan perusahaan ladang getah merupakan salah satu perusahaan yang terbesar sebelum adanya penemuan minyak dan gas.



ANTARA artifak-artifak bersejarah yang terdapat di tapak Industri Getah Labu Estate.

Tapak Industri Getah Labu Estate merupakan bukti peninggalan industri pertanian yang paling awal dan mengingatkan kita kepada perladangan komersial di negara ini yang merupakan industri pertanian komersial pertama di Brunei pada awal Abad Ke-20.

Menurut sumber daripada Ketua Kampung Labu Estate, barang-barang ataupun bahan yang digunakan dalam proses pembuatan getah ini telah diambil alih oleh pihak Muzium Brunei untuk digazetkan dan disimpan kerana artifak-artifak bersejarah ini perlu dipelihara dan diarkibkan.

Selain mempunyai sebuah kawasan tapak bersejarah, kampung ini juga mempunyai sebuah material budaya yang bernilai sejarah iaitu 'Beduk Kampung Labu Estate'. Beduk tersebut pada asalnya digunakan oleh pekerja-pekerja kompeni Labu Estate untuk membangunkan mereka yang akan bertugas di estet tersebut khususnya di bahagian Gudang Asap. Selain itu, beduk tersebut juga berperanan penting pada bulan Ramadan bagi menandakan waktu bersahur dan berbuka puasa.

HASRAT

Hasil sumber sungai di kampung tersebut menurut ketua kampung berkenaan seperti ikan dan udang galah ‘Labu’ adalah berpotensi untuk diangkat sebagai produk kampung di samping produk yang dihasilkan pada masa ini melalui Ahli Jawatankuasa Projek Perekonomian Majlis Perundingan Kampung Labu Estate iaitu keropok udang, keropok Labu Kuning dan kuih-muih.

Awang Haji Sulaiman bin Haji Nasir berharap MPK berkenaan akan dapat memainkan peranan yang proaktif dalam sama-sama memajukan Kampung Labu Estate dengan kerjasama penduduk kampung sejajar dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan Ke-3 pada hari Khamis, 27 Februari 2014 Masihi bersamaan 27 Rabiulakhir 1435 Hijrah di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas:

“Kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah mukim dan kampung adalah terletak pada sejauh mana kepimpinan itu berlaku kepada anak-anak buah mukim dan kampung itu sendiri. Jika kepimpinan itu baik dan maju pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan.”

Asal-usul nama Kampung Rambai

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

29 April 2017



SEKOLAH Rendah Rambai kemudahan yang disediakan untuk kegunaan kanak-kanak di kampung ini menimba ilmu.

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memperkenalkan sebuah kampung pedalaman yang terletak di Daerah Tutong, iaitu Kampung Rambai. Ketika ini jawatan Ketua Kampung Rambai dipangku oleh Awang Muhd. Murat bin Haji Muhd. Jamin.

Walaupun kampung ini terletak di kawasan pedalaman, iaitu kira-kira satu jam perjalanan dari Pekan Tutong, namun penduduk kampung dan sekitarnya dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti sekolah, jalan berturap, telefon dan elektrik.

Sebahagian daripada penduduk kampung ini juga ada menerima bantuan yang dihulurkan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu pencen tua, elaun buta, elaun cacat dan lain-lain.

Penduduk di kampung ini sebahagiannya bekerja dengan pihak kerajaan dan swasta dan tidak terkecuali bekerja sendiri untuk menampung sara hidup seharian. Bagi yang bekerja sendiri, kebanyakan penduduk memelihara binatang seperti ayam pedaging, ayam kampung, kerbau, lembu dan kambing.

Sebahagian hasil binatang ternakan turut dijual secara persendirian. Tidak kurang juga sebahagian penduduk giat berkebun buah-buahan dan menanam pohon gaharu di sekitar rumah masing-masing.



KEADAAN kandang binatang ternakan kepunyaan seorang penduduk di Kampung Rambai.



PEMANGKU Ketua Kampung Rambai, Awang Muhd. Murat bin Haji Muhd. Jamin.

SEJARAH

Menurut Pemangku Ketua Kampung Rambai, Awang Muhd. Murat menjelaskan kira-kira pada tahun 1800 Masihi terdapat sekelompok penduduk di negara ini yang dipimpin oleh Penglima Engam telah meneroka sebuah penempatan di tebing Sungai Tutong. Jauhnya lebih kurang 36 kilometer dari Pekan Tutong mudik ke hulu sungai ini.

Pada masa dahulu, sebelum adanya kemajuan di kawasan pedalaman di daerah ini, sungai merupakan penghubung yang sangat penting. Sungai bukan sahaja sebagai sumber keperluan seharian, pertanian, sumber perikanan malah ia merupakan penghubung utama bagi pengangkutan perahu di antara para peniaga dan orang-orang yang menetap di sepanjang Sungai Tutong. Terdapat juga jalan darat (*footpath*) untuk urusan seharian dan perniagaan.

Dikatakan terdapat satu kawasan tempat persinggahan dan berkumpul bagi para peniaga dalam urusan jual beli secara pertukaran barang-barang seperti garam, barang tembaga dengan hasil hutan, pertanian dan seumpamanya daripada orang-orang pedalaman.

Penempatan ini adalah menjadi salah satu tempat persinggahan yang dipanggil 'tempat betamu' bagi urusan perniagaan sebelum menuju ke tempat perkampungan lain di sepanjang sungai ini termasuk perkampungan yang berdekatan dengan anak-anak sungai yang muaranya mengalir ke Sungai Tutong.

Ujar Awang Muhd. Murat lagi, di kawasan tempat betamu tersebut terdapat sepokon pokok buah bernama Pohon rambai yang sejak awalnya telah tumbuh di lubuk berdekatan dengan tebing sungai tempat mereka mengadakan betamu ini.

Ironinya, pokok tersebut telah tenggelam secara duduk, iaitu keseluruhan pohonnya masuk ke dalam sungai. Ada yang mengatakan, pohon tersebut timbul di permukaan air ketika bulan mengembang penuh. Semasa pokok ini timbul di permukaan air, pohonnya dipenuhi dengan bunga-bunga dan mengikut cerita lagi terdapat seekor ikan bernama ikan dalak (haruan) sebesar saiz gantang (gantang ialah penyukat beras yang digunakan pada zaman terdahulu), yang mana terdapat sisik berupa manik sekeliling di antara kepala dan badannya bermain-main sambil berenang-renang mengelilingi pohon tersebut.

Dengan kisah cerita Pokok Rambai ini maka penduduk setempat ketika itu menamakan nama kampung ini sempena dengan nama pohon tersebut, iaitu sebagai Kampung Rambai. Tempat kejadian tersebut itu telah terhakis disebabkan tanjung sungai itu putus dihakis oleh air sungai dan perubahan iklim dari semasa ke semasa.



***SEBAGIAN** daripada pohon gaharu yang ditanam secara persendirian oleh penduduk kampung.*



*M
e
i*

Kampung Sungai Matan, perkampungan nelayan tradisional

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto: Jabatan Penerangan

20 Mei 2017

EDISI Kenali Negara Kitani keluaran kali ini membawa para pembaca berkunjung ke salah sebuah perkampungan nelayan tradisional di negara ini. Sebut saja nama Kampung Sungai Matan, tentu ramai di antara abiskita yang sering kali mendengarnya. Kampung ini memang aktif dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti pelancongan yang sekali gus akan menjana pendapatan sampingan kepada para penduduk setempat. Bagi yang belum mengenali kampung berkenaan, marilah kita sama-sama membaca lebih lanjut artikel mengenai kampung ini.

Kampung Sungai Matan merupakan sebuah perkampungan budaya di negara ini yang dikendalikan oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung dengan menumpukan pada membantu memajukan program-program dan para penduduk kampung dalam hal-hal pelancongan dan perekonomian. Bagi para pelancong dari luar negara, lawatan ke Kampung Sungai Matan akan melengkapkan pengalaman sebenar mereka berada di negara ini.

Lawatan ke Kampung Sungai Matan sememangnya tidak akan mengecewakan. Ini memandangkan para penduduk kampung tersebut telah menyediakan pelbagai aktiviti bagi para pengunjung dengan mengalami sendiri kehidupan harian penduduk kampung atau sekadar beristirehat di sepanjang laluan papan (pail). Para pengunjung juga berpeluang memberi makan ikan di sepanjang sangkar ikan terapung mahupun menyertai persembahan kebudayaan oleh kampung-kampung setempat. Selain itu, para pengunjung juga akan berpeluang mengalami sendiri aktiviti menangkap ikan menggunakan pelbagai jenis kaedah tradisional seperti jala, perangkap ketam dan lain-lain. Pelbagai aktiviti harian penduduk kampung juga diadakan seperti menghasilkan produk tempatan umpamanya pemprosesan udang kering, ikan bilis kering, keropok udang, membuat kuih-muih dan lain-lain. Para pengunjung juga akan diberi kesempatan untuk belajar membuat kraf tangan menggunakan bahan-bahan kitar semula. Dan yang tidak kurang menariknya ialah menyelusuri Sungai Brunei untuk melihat kampung-kampung lain, sangkar-sangkar ikan, hidupan liar dan pulau-pulau sejarah serta meredah hutan mendaki bukit Matan bagi menyaksikan hidupan liar semula jadi dan herba hutan yang ada.

Selain itu, aktiviti-aktiviti Inap Desa juga disediakan bagi para pengunjung ke kampung berkenaan, antaranya menaiki perahu tradisional yang dikenali sebagai 'Jumpong' dan berkayuh di sepanjang hutan bakau untuk menangkap ketam dan untuk melihat keindahan flora dan fauna. Para pengunjung pasti tidak akan melupakan hidangan lazat berupa makanan laut yang segar ditangkap setiap hari.



CABARAN Pancing Kampung Sungai Matan yang diadakan pada tahun 2014.

KAMPUNG SUNGAI MATAN

Kampung Sungai Matan merupakan salah sebuah kampung yang termasuk di dalam Mukim Kota Batu. Kampung ini adalah sebuah perkampungan yang didirikan di antara separuh air dan separuh daratan yang terletak di pinggir Sungai Brunei. Jaraknya antara Bandar Seri Begawan ialah 8 kilometer dan keluasan kampung ialah 0.36 kilometer persegi. Kampung yang ‘diapit’ oleh Kampung Datu Gandi dan Kampung Serdang ini boleh dikunjungi melalui jalan raya atau sungai. Dan mengikut susunan rumah-rumah yang dibina mengikut di tepi Sungai Brunei menghala hutan bakau yang terletak di Pulau Berambang.

SEJARAH KAMPUNG SUNGAI MATAN

Mengikut sejarah dan daripada cerita orang-orang tua dahulu, Kampung Sungai Matan dikenali juga sebagai Kampung Pengkalan Gua memandangkan penduduk Kampung Belimbing akan turut berjual hasil tanamannya ke Kampung Sungai Matan. Mereka akan berhimpun di Pengkalan Gua sambil menjual hasil tanaman mereka. Pengkalan Gua terletak betul-betul di sempadan Kampung Datu Gandi (Tanjung Gua) dan di situ terdapat sebatang sungai. Di hulu sungai tersebut terdapat seponon pokok matan yang besar. Pokok matan ini selalu berbuah lebat dan manis pula isinya. Apabila musim berbuah, buah matan yang masak akan jatuh ke sungai dan dibawa arus ke muara sungai. Maka di sinilah penduduk kampung akan mengambil dan memutik buah tersebut sebelum arus membawa ke hulu sungai. Maka bersempena dengan pokok buah matan dan sungai tersebut, kampung ini digelar Kampung Sungai Matan oleh penduduknya hingga ke hari ini.

Menyingkap pada lembaran sejarah silam pada tahun-tahun 60-an sehingga tahun 80-an, Kampung Sungai Matan begitu terkenal dengan pelbagai perusahaan ‘kotej’ yang diungkayahkan oleh penduduk-penduduk kampung, contoh paling ketara ialah perusahaan menyalai Ikan Tahai (tidak lagi dipraktikkan), membuat belacan, melumai ikan masin, membuat udang kering, memburis perahu dan membuat makanan tradisi seperti Kuih Ardam, Cincin, Madu Kesirat, Tapai dan lain-lain lagi. Asas dari keperluan hidup seharian kampung ini telah menjadikannya antara destinasi dan salah sebuah pusat bagi para ‘pangalu’ bertukar-tukar barang yang kebanyakannya dari Kampung Belimbing Subok.

Semoga aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh Kampung Sungai Matan akan dapat menarik lebih ramai pengunjung dalam negara yang sekali gus menyemai minat melancong di negara sendiri dan dapat menarik lebih ramai pelancong dari luar negara yang setentunya akan dapat meningkatkan jumlah hasil dalam negeri kasar melalui sektor pelancongan di negara ini.



SEBAHAGIAN daripada produk dari Kampung Sungai Matan.

PENGALAMAN PERKAMPUNGAN NELAYAN BRUNEI	BND75 (min 2 ke 4 orang – durasi 3 jam)
	BND55 (min 5 orang ke atas – durasi 3 jam)
MENYUSURI SUNGAI BRUNEI	BND40 (min 4 orang, max 10 orang – 1 jam 30 min)
PROGRAM INAP DESA (Matan Free & Easy) (2 hari, 1 malam) (Termasuk tempat tinggal & sarapan)	BND 50/orang - Single Room
	BND 28/orang - Twin Sharing Room
	BND 25/orang - Triple Sharing Room
PENGALAMAN BUDAYA MATAN (2 hari,1 malam) Termasuk tempat tinggal, 1 makan malam, 1 sarapan dan 4 aktiviti yang dijalankan oleh penduduk kampung	BND120/orang - Single Room
	BND100/orang - Twin Sharing Room
	BND 95/orang - Triple Sharing Room
MEREDAH HUTAN MATAN	BND25 (min 2 ke 4 orang - durasi 1 jam 30 min)
	BND20 (min 5 orang ke atas – durasi 1 jam 30 min)

KADAR PAKEJ

*J
u
l
a
i*

Mendekati Kampung Kupang

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Haji Ariffin Mohd. Noor dan Ihsan Awang
Haji Musa Haji Mohammad

29 Julai 2017

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memaparkan cerita mengenai Kampung Kupang yang terletak di Daerah Tutong. Kampung yang dihuni dengan keramaian 2,160 orang ini, diketuai oleh Haji Awang Puasa bin Haji Kula bermula 5 September 2007.

ASAL NAMA

Menurut Haji Awang Puasa, berdasarkan cerita orang tua-tua zaman dulu, nama Kampung Kupang adalah mengambil sempena nama sepohon pokok yang bernama ‘pokok kupang’. Pokok ini ada keganjilannya dan berbeza daripada pokok-pokok yang lain.

Antara perbezaannya ialah kulit pokok ini seperti ditumbuhi oleh sejenis kerang laut, iaitu Kupang. Pokok Kupang ini tumbuh dengan bilangan yang sedikit sahaja. Pokok ini tumbuh di kawasan tanah yang tinggi seperti di bukit-bukit.

Ketinggian pokok kupang ini dikatakan seperti pokok durian dan bentuknya pun seakan-akan pokok durian. Mengikut penjelasan dari orang-orang tua, tiada siapa yang tahu sebenarnya siapakah orangnya yang mula-mula menemui pokok kupang ini dan siapa yang mula-mula memberi nama kampung ini sebagai ‘Kampung Kupang’.

TADAHAN

Sebanyak lima buah kawasan yang termasuk dalam Kampung Kupang, iaitu Kampung Kupang dengan keluasan 10.0845 kilometer persegi dengan 932 orang penduduk kampung; Kampung Maraburong dengan keluasan 9.5429 kilometer persegi dengan 602 orang penduduk kampung; Kampung Ikas/Bandong dengan keluasan 5.4957 kilometer persegi dengan 22 orang penduduk kampung; Kampung Jalan Kerakas Payau dengan 448 orang penduduk kampung dan kampung Jalan Pulau Beluboh dengan 156 orang penduduk kampung.

PRASARANA

Seperti juga kampung yang lain, kampung ini juga tidak terlepas dari menikmati beberapa kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti jalan raya, air, telefon dan elektrik.

Di kampung ini juga terdapat beberapa bangunan kerajaan, iaitu sebuah masjid (Masjid Kampung Kupang), sebuah sekolah kerajaan (Sekolah Rendah Orang Kaya Ali Wanika Setia Diraja Kupang), sebuah sekolah agama (Sekolah Ugama Kampung Kupang), dua buah pos polis, Penjara Maraburong, Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik (kedua-dua bangunan diletakkan pada kawasan khas), gerai jualan sayur-sayuran dan buah-buahan (yang menempatkan 14 petak tempat berjual).

Kampung ini juga mempunyai beberapa wasai dan air terjun, iaitu Wasai Tarus yang terletak di Kampung Maraburong, Wasai Tujuh Tingkat yang terletak di Kampung Kupang dan Tasek Biru.



MASJID Kampung Kupang, Daerah Tutong.



ANTARA prasarana yang terdapat di kampung ini ialah Sekolah Agama Kupang.

PRODUK

Produk kampung yang terdapat di kampung ini ialah semaian bunga hidup dan buah-buahan. Menurut Haji Awang Puasa lazimnya penduduk di kampung ini menjual semaian tersebut di Tamu Tutong setiap Khamis, Pasar Gadong pada Jumaat. Terdapat juga jualan dilakukan di Pusat Hortikultur Rimba setiap hari.

Antara penduduk kampung yang mengusahakan semaian ini ialah Awang Haji Musa bin Haji Mohammad. Beliau merupakan bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Pada mulanya, perusahaan ini beliau usahakan secara sambilan semasa masih berkhidmat dengan ABDB lagi yang telah beliau pelajari daripada kedua ibu bapanya. Setelah beliau bersara barulah beliau menumpukan sepenuhnya terhadap perusahaan ini.



***AWANG Haji Musa bin Haji Mohamad,
pengusaha semaian bunga dan buah-
buahan.***

Menurutnya, kebanyakan semaian beliau diperolehi dari Thailand. Beliau bersyukur kerana perusahaan yang dilakukan ini mendapat sambutan daripada orang ramai dengan adanya tempahan dari hari ke hari dengan memperoleh pendapatan sekitar BND800 hingga BND1,000.

Semaian tersebut beliau usahakan di kawasan Ladang Kelompok Sawang Landak di Kampung Kupang di atas keluasan tanah 1.7 ekar.

Dalam pada itu, beliau berharap perusahaan ini akan terus berpanjangan dan mudah-mudahan ia dapat diwarisi oleh generasi selepasnya. Beliau juga menghargai perusahaan beliau ini telah dianggap sebagai salah satu produk yang terdapat di kampung ini.

Pasukan Lumba Perahu Mukim Burong Pingai Ayer harumkan negara di peringkat serantau

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto: Jabatan Penerangan dan Ihsan Pasukan Lumba Perahu
Lela Cheteria

12 Ogos 2017

KENALI Negara Kitani keluaran kali ini ingin membawa para pembaca semua meninjau salah sebuah mukim dari enam buah mukim yang terletak di Kampong Ayer. Tentu ramai dalam kalangan kita yang pernah mendengar nama Mukim Burong Pingai Ayer. Berkeluasan 0.5669 kilometer persegi, mukim tersebut terdiri daripada beberapa buah kampung, iaitu Kampung Pekan Lama/Pengiran Setia Negara, Kampung Sungai Pandan 'A', Kampung Sungai Pandan 'B', Kampung Lurong Dalam, Kampung Pandai Besi 'B'. Kampung Pandai Besi 'A' dan Kampung Burong Pingai Ayer, dengan seramai lebih dari 2,000 penduduk.

KEMUDAHAN DAN PRASARANA

Sepertimana mukim-mukim lain di negara ini, Mukim Burong Pingai Ayer juga disediakan dengan beberapa kemudahan awam seperti Surau Balai Ibadat Kampung Sungai Pandan, Surau Balai Ibadat Kampung Lurong Dalam, Sekolah Uagama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampung Lurong Dalam, Stesen Jentera Api Elektrik, Balai Persatuan Kampung Pandai Besi dan Sekolah Rendah Dato Ahmad, Kampung Burong Pingai. Selain itu, mukim berkenaan juga mempunyai kemudahan asas seperti jambatan, bekalan air, bekalan elektrik, talian telefon, jeti jambatan dan perkhidmatan pembuangan sampah.

Manakala bagi keselesaan dan kemudahan para penduduk kampung di mukim berkenaan untuk melakukan pelbagai aktiviti, sebuah prasarana, iaitu Dewan Serbaguna Mukim Burong Pingai Ayer telah dibina pada tahun 2014.

BERDIKARI

Pemangku Penghulu Mukim Burong Pingai Ayer, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar yang juga selaku Ketua Kampung Burong Pingai Ayer menyatakan warga mukim termasuk golongan belia aktif melakukan aktiviti yang dikendalikan oleh kampung masing-masing secara tahunan seperti membersihkan tanah perkuburan. Kepada warga mukim, beliau menyarankan agar mereka hidup berdikari dan menghasilkan produk-produk mukim dan kampung, di samping melibatkan diri dalam perusahaan inap desa yang kini semakin mendapat sambutan untuk menambahkan pendapatan sampingan.

Awang Abdul Rahman menyarankan agar warga mukim dan penduduk kampung menjaga kebersihan kawasan masing-masing supaya para pelancong tertarik untuk berkunjung ke Kampong Ayer memandangkan Kampong Ayer merupakan salah satu destinasi yang sering dikunjungi oleh para pelancong terutama yang datang dari luar negara.

PASUKAN LUMBA PERAHU

Lumba perahu setentunya sinonim dengan kehidupan warga Kampong Ayer. Bagi Mukim Burong Pingai Ayer, pasukan lumba perahu yang begitu dikenali ialah Pasukan Lela Cheteria dari Kampung Lurong Dalam. Pasukan berkenaan telah berjaya mengharumkan nama negara di peringkat serantau apabila setiap perlumbaan yang disertai oleh pasukan tersebut pasti tidak akan pulang dengan tangan kosong. Ditubuhkan pada tahun 2013, Pasukan Lela Cheteria berjaya mencapai beberapa kejayaan bukan hanya di dalam negara bahkan juga di luar negara.

Di bawah Persatuan Lumba Perahu Negara Brunei Darussalam (PEKEBAR), antara kejayaan yang pernah digalas oleh para pekayuh di bawah Pasukan Lela Cheteria ialah ketika menyertai Lumba Perahu Naga Antarabangsa yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia pada tahun 2014 telah mendapat johan, naib johan dan tempat ketiga bagi beberapa kategori yang dipertandingkan. Sementara itu, pada tahun yang sama pasukan tersebut terus mencipta nama setelah memenangi tempat kedua bagi dua kategori iaitu 12 pekayuh (lelaki) dan 20 pekayuh (lelaki) dalam Lumba Perahu Naga Antarabangsa yang berlangsung di Kuching, Sarawak, Malaysia. Tahun-tahun berikutnya juga membawa tuah kepada pasukan lumba perahu Pasukan Lela Cheteria dengan memenangi beberapa kategori yang dipertandingkan pada perlawanan yang sama.



GAMBAR kenang-kenangan ... Pasukan Lela Cheteria bersama penanggung pasukan berkenaan, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Manakala pencapaian terbaharu pasukan tersebut ialah memenangi tempat ketiga dalam salah satu kategori yang dipertandingkan semasa Langkawi International Dragon Boat Regatta 2017 yang disertai oleh 56 buah negara, bukan hanya dari peringkat negara ASEAN malahan juga negara-negara Barat dan Eropah. Kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh pasukan berkenaan bukan hanya menaikkan nama Mukim Burong Pingai Ayer malahan memperkenalkan Negara Brunei Darussalam ke mata dunia antarabangsa.



ANTARA aksi-aksi Pasukan Lela Cheteria ketika menyertai Lumba Perahu di negara ini.



*S
e
p
t
e
m
b
e
r*

STKRJ Lambak Kiri Hasilkan Minyak Tamu Lawak

Oleh: Norliah Md. Zain

Foto: Ihsan Syarikat Dayang Hajah Zeliha Haji

Menudin dan anak-anak dan Blog STKRJ

Lambak Kiri

9 September 2017

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memperkenalkan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya yang terletak di bawah Mukim Berakas 'A'.

STKRJ Lambak Kiri merupakan kawasan pertama bagi Daerah Brunei dan Muara yang telah dirancangan dan dikenal pasti untuk dimajukan bagi skim ini, yang mana seluas 81 hektar tanah telah diperuntukkan.

Penduduk STKRJ Lambak Kiri mula berpindah pada tahun 1992-1993. Terdapat dua jenis perumahan yang terdapat di sini, iaitu jenis batu dan kayu.

Kampung ini diketuai oleh Awang Haji Hamdani bin Omar yang telah dilantik pada 1 Mei 1995. Beliau yang sudah mengetuai kampung ini selama 22 tahun merupakan ketua kampung yang pertama bagi kawasan tersebut.

Kampung ini merangkumi kawasan perumahan di STKRJ, Perkhemahan Berakas dan Kampung Lambak Kiri serta mempunyai keluasan 1,616.45 hektar.



PARA pengunjung tertarik dengan produk yang dijual.

PRODUK

Minyak Tamu Lawak (Minyak Temulawak) merupakan produk yang diangkat sebagai 'Satu Kampung Satu Produk' (1K1P) di STKRJ Lambak Kiri dan sekitarnya. Ia dikembangkan lagi penghasilannya oleh MPK bersama pengusaha produk berkenaan. Pihak MPK menerima sumbangan secara berterusan hasil dari jualan berkenaan. MPK STKRJ Lambak Kiri dan kawasan sekitarnya juga membantu dalam memasarkan produk berkenaan dengan menyertai pameran dan jualan.

Minyak Tamu Lawak atau dalam nama saintifiknya ialah '*Curcuma Xanthorrhiz*' ialah sejenis tumbuhan herba yang boleh didapati di Negara Brunei Darussalam. Minyak Tamu Lawak ini boleh dikatakan sebagai minyak urut pertama di negara ini yang dikeluarkan dan diusahakan oleh syarikat anak tempatan, Dayang Hajah Zeliha binti Haji Menudin dan anak-anak dan dijadikan Projek 1K1P yang telah dijalankan dan mencapai kejayaan peringkat dalam negara mahupun serantau.

Produk ini telah dijual di gerai-gerai pameran dan di tamu-tamu di negara ini. Selain dalam negara, pengusaha juga telah menyertai jualan di peringkat serantau antaranya di Lawas, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada tahun 2012. Pada tahun ini, pengusaha juga mengikuti ekspo di Nanning China pada 8 hingga 16 September 2017.

Menyentuh mengenai ramuan, minyak ini mengandungi campuran ramuan herba temu lawak, banglai, temu putih, halia merah, minyak kelapa dan minyak zaitun dan digunakan sebagai minyak urut bagi melegakan sengal-sengal, ngilungilu, terseliuh, bisul, jerawat, bengkak-bengkak, sesak nafas, masuk angin dan sakit kepala.

Memandangkan minyak ini dibacakan ayat-ayat suci Al-Quran, pengusaha menasihati pengguna agar tidak melangkahi minyak tersebut.

Selain Minyak Tamu Lawak, pengusaha juga telah mempelbagaikan produk keluaran syarikatnya, iaitu pembuatan ubat-ubatan tradisional bagi wanita lepas bersalin.



MINYAK Tamu Lawak (Minyak Temulawak) merupakan produk 'Satu Kampung Satu Produk' (IKIP) di STKRJ Lambak Kiri dan sekitarnya.

Bagi orang ramai yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut bolehlah menghubungi +673 8916376, +673 8871107 atau +673 2390665 atau berkunjung ke alamat No. 3, Simpang 637-93, STKRJ Kampung Lambak Kiri.



PENGUNJUNG luar negara juga turut tertarik dengan produk-produk tempatan yang dijual (kiri), sementara gambar kanan, antara ramuan yang digunakan untuk membuat Minyak Temulawak.

Kehalusan anyaman Kg. Supon Besar dikagumi

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto: Hernie Suliana Haji Othman

23 September 2017



PEMANDANGAN Kampung Supon Besar dari udara.

TIDAK siapa menyangka hasil kerja tangan seperti anyaman yang dahulunya cuma untuk mengisi masa lapang dan digunakan untuk keperluan sendiri, kini menjadi satu sumber pendapatan yang lumayan. Ia setentunya boleh dikembangkan ke tahap komersial memandangkan permintaan yang begitu tinggi dari negara ini.

Sesungguhnya kemahiran dalam menghasilkan pelbagai bentuk kerja tangan oleh bangsa kita sebenarnya tidak dapat dinafikan. Keindahan dan kehalusan nilai seni yang dihasilkan antara ciri-ciri tersendiri bangsa kita orang-orang Brunei. Ini berdasarkan sumber alam yang begitu banyak dan mudah diperolehi di negara ini dan kemahiran yang diperolehi sejak berabad-abad lagi.

Dengan adanya perusahaan kraf tangan seperti anyaman akan dapat mengimbangi taraf pembangunan negara, di samping melipatgandakan peningkatan taraf hidup rakyat dan ekonomi negara.

Sebenarnya kita kaya dengan sumber-sumber alam dan tumbuh-tumbuhan hijau yang boleh digunakan sebagai bahan mentah untuk membuat kraf. Kraf tangan ini sesuai untuk dijadikan hadiah atau cenderamata bagi kegunaan rumah, pejabat kerana kraf tangan seperti ini mempunyai potensi yang baik dalam pasaran. Barangan kraf yang dihasilkan oleh penduduk kampung ini ialah bakul rotan, tikar bamban, takiding, bubu, topi, raga, nyiru, siraung dan tongkat.



SENI anyaman Kampung Supon Besar dikagumi dan menjadi warisan turun-temurun.

Menurut Ketua Kampung Benutan yang juga pemangku Kampung Supon Besar, Awang Haji Noralimin bin Sulong, produk-produk tersebut berasal dari rotan saga yang diperoleh dari hutan kampung tersebut dan sekitarnya.

Anyaman merupakan seni yang mempengaruhi kehidupan dan kebudayaan masyarakat kitani. Menganyam bermaksud proses menjaringkan atau menyilangkan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan satu rumpun yang kuat dan boleh digunakan.

Bahan tumbuh-tumbuhan yang boleh dianyam ialah lidi, rotan, akar, bilah, pandan, mengkuang dan beberapa bahan tumbuhan lain yang dikeringkan.

Itulah produk yang dihasilkan oleh Kampung Supon Besar yang terletak dalam Mukim Rambai. Mukim Rambai merupakan salah satu dari 38 mukim yang terdapat di Daerah Tutong.

WARISAN

Dengan adanya produk kampung tersebut menunjukkan lagi perkembangan semula seni dan pertukangan tangan yang telah diwarisi sejak turun-temurun, di samping meningkatkan warisan budaya yang unik ini perlu dipelihara dan dimanfaatkan bersama.

Kampung Supon Besar walaupun terletak jauh di ulu Tutong dengan penduduknya dianggarkan 200 orang, namun kampung ini tidak pernah dilupakan, bahkan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kemajuan dan penduduk-penduduknya sama seperti kampung pedalaman yang lain dengan melalui jalan darat tidak seperti sebelumnya menggunakan sungai. Lain-lain kemudahan yang pernah disediakan sebelum ini ialah perkhidmatan ‘doktor udara’ yang membuat lawatan sebulan sekali ke kampung ini bagi tujuan memberikan rawatan untuk memastikan kesihatan mereka terjamin.

Program Komunikasi Bersemuka dilaksanakan secara berterusan yang mana dengan berduduk menyusur mukim dan kampung, Jabatan Penerangan berkesempatan mengunjungi Rumah Panjang Kebubok, dan dialu-alukan oleh Ketua Rumah Panjang Kampung Supon Besar, Awang Ali Bujang bin Abdullah Sigat pada 11 September 2013, di mana para pegawai dari Jabatan Penerangan dapat bersua muka dan berdialog dengan pemimpin akar umbi dan penduduk mukim dan kampung yang tinggal di kawasan pedalaman. Melalui program seumpama ini dapat memberikan peluang kepada para penduduk kampung menyuarakan masalah dan pendapat, di samping menerima maklumat terkini mengenai kerajaan.

Mukim Rambai mempunyai keluasan 515.5 kilometer persegi dan mempunyai keramaian penduduk berjumlah 1,226 orang yang mendiami 255 buah rumah dan empat buah rumah panjang.

*O
k
t
o
b
e
r*

Kampung Mumong hasilkan pelbagai produk berpotensi

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid

7 Oktober 2017

KAMPUNG Mumong terletak di Daerah Belait mempunyai keluasan 14.785 kilometer persegi dan penduduknya lebih kurang 9,637 orang, iaitu 5,289 lelaki dan 4,378 perempuan yang terdiri daripada berbilang bangsa, puak dan agama di bawah pimpinan Ketua Kampung, Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin sejak 1 Februari 2001 juga mantan Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Nama Kampung Mumong dipercayai berasal dari sejenis tumbuhan keladi hutan yang dipanggil Mumong. Tumbuhan tersebut banyak tumbuh di sepanjang anak sungai (Sungai Mumong) yang pada zaman dahulu sering dijadikan pengkalan untuk menempatkan perahu bagi tujuan mudik ke hulu mahupun ke hilir laut.

PRODUK-PRODUK KAMPUNG

Ke arah menggerakkan Program Satu Kampung Satu Produk, Kampung Mumong telah menubuhkan Majlis Perundingannya sendiri yang memainkan peranan sebagai badan penggerak dan pemangkin pada kepimpinan peringkat akar umbi yang mantap termasuklah untuk menjana perekonomian kampung berkenaan. Majlis Perundingan Kampung (MPK) Mumong giat mengusahakan produk-produk yang berpotensi di pasaran seperti sos cili, pembuatan kuih-muih, kordial, sos, jem rosella, kek *marble* dan bahu.

Projek perekonomian Jem dan Jus Rosella telah diungkayahkan bermula pada 22 September 2010 oleh lebih 27 peserta dengan modal sejumlah BND270, iaitu dengan menggunakan kaedah kutipan secara sama rata sebanyak BND10 seorang. Untuk mendapatkan bekalan buah Rosella secara berterusan, MPK Mumong telah pun mengusahakan tanaman pokok buah Rosella secara berkelompok di halaman rumah ahli-ahli projek, di pusat aktiviti MPK dan di halaman rumah penduduk-penduduk kampung.



ANTARA pemeliharaan ternakan ikan yang terdapat di mukim tersebut.

Menyentuh mengenai pemeliharaan ikan dalam kontena, Ketua Kampung Mumong, Awang Haji Yusof menjelaskan bahawa perusahaan ini mempunyai potensi yang cerah jika diusahakan. Contohnya jika ia diusahakan oleh 50 ke 100 orang, setentunya akan menghasilkan keuntungan yang berbaloi, di mana satu kontena, jelas beliau berkeupayaan menghasilkan 30 kilogram ikan tilapia dan ini sudah tentu dapat membantu menjana sara hidup penduduk kampung.

Projek Perekonomian MPK Mumong menjalankan kegiatan mereka bertempat di Berek No. 772, A-1-2. Simpang 120-48-36-41, Mumong Bypass, Kuala Belait dan dilancarkan oleh Awang Matussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba pada 5 Oktober 2010.



PRODUK-PRODUK Kampung Mumong di Ekspo China - ASEAN (CAEXPO) Ke-14 di Nanning, Republik Rakyat China pada 8 - 15 September 2017.

Dalam memasarkan dan mempromosikan produk-produk kampung berkenaan, MPK Mumong giat mengikuti pameran dan ekspo bukan sahaja di Daerah Belait sendiri, tetapi juga di Bandar Seri Begawan, bahkan mereka sudah melangkah keluar negara. Baru-baru ini MPK Mumong adalah antara lebih 100 syarikat dari Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME), yang mempamerkan produk mereka di Pavilion Komoditi Negara Brunei Darussalam bagi Ekspo China - ASEAN (CAEXPO) Ke-14 bertempat di Pusat Persidangan dan Pameran Antarabangsa Nanning (NICEC), di Nanning Republik Rakyat China pada 8 hingga 15 September 2017.



BUDAYA bergotong-royong masih kukuh diamalkan oleh para penduduk Mukim Mumong.

AKTIVITI KEAGAMAAN DAN KEMASYARAKATAN

Melalui Biro Agama dan Kebajikan, Kampung Mumong mengadakan Kelas Mengaji Al-Quran yang diadakan setiap minggu bagi membimbing penduduk-penduduk yang beragama Islam untuk mempelajari Al-Quran sebagaimana hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam: ***“Beta berharap di negara ini tidak ada lagi orang Islam yang bersungut kerana tidak pandai membaca Al-Quran kerana dari semenjak sekian lama lagi sehingga sekarang, galakan dan peluang belajar membaca Al-Quran itu telah pun diberi malah sentiasa terbuka luas, tidak pernah ditutup.”*** (Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1435 Hijrah/2014 Masihi pada 11 Jamadilakhir 1435H/10 April 2014M.

Mereka juga mengadakan Majlis Bertadarus sepanjang bulan Ramadan, Dikir sempena Maulidur Rasul, Majlis Korban, Doa Arwah Sekampung dan penyampaian derma kepada anak-anak yatim di kampung tersebut dan sebagainya. Di samping itu, Kampung Mumong juga masih mengekalkan budaya bergotong-royong dan untuk membantu memantau keselamatan kampung, Kampung Mumong telah menubuhkan Majlis Pengawasan Kejiranan Kampung.

*N
o
v
e
m
b
e
r*

**Bukit Batu
Bujang Pahang tarik
perhatian pencinta alam
semula jadi**

Oleh: Noriah Haji Abdul Hamid

4 November 2017

LATAR BELAKANG

KAMPUNG Menunggol adalah di antara 14 buah kampung di bawah tadahan Mukim Kota Batu. Kampung ini mempunyai keluasan 9.5073 kilometer persegi dan ditadbir oleh Ketua Kampung, Awang Yussop bin Mohammad dengan keramaian penduduknya 567 orang yang majoritinya terdiri daripada bangsa Melayu.

Kampung Menunggol adalah sebuah perkampungan kecil yang terletak di kawasan perairan tepi Sungai Brunei dan untuk sampai ke sana menggunakan motor sangkut. Walaupun begitu, kampung ini tidak terpinggir daripada menerima kemudahan-kemudahan asas dan prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti sekolah, jalan raya, bekalan air bersih, bekalan elektrik, masjid dan jeti jambatan.



MASJID antara prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan di Kampung Menunggol, Mukim Kota Batu.

Menurut tradisi lisan asal usul terbitnya nama Kampung Menunggol adalah daripada perkataan ‘tunggul’ yang dikatakan banyak terdapat di kampung tersebut. Menurut sumber dari Pusat Sejarah menyatakan kampung berkenaan telah wujud sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua lagi.

KEGIATAN PENDUDUK KAMPUNG

Untuk menggerakkan perkembangan pembangunan di Kampung Menunggol telah diwujudkan sebuah jawatankuasa ke arah menggerakkan Program Satu Kampung Satu Produk dalam menggalakkan masyarakat mukim dan kampung lebih kreatif, inovatif, berdikari, berdaya tahan, berdaya saing ke arah kemajuan dan menjana perekonomian mukim dan kampung dengan mengunggulkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) yang bukan sahaja dapat menyumbang kepada meningkatkan ekonomi negara bahkan juga sara diri sendiri.

Penubuhan Majlis Perundingan Kampung Menunggol yang bermula pada tahun 1993 adalah bertujuan sebagai badan penggerak dan pemangkin untuk memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dalam mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk mengukuhkan keberkesanan institusi ketua kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi dan untuk menyusun serta mengusahakan rancangan-rancangan bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk kampung khususnya bagi perkembangan dan pembangunan kampung.

Menurut Ketua Kampung Menunggol, beberapa buah keluarga di kampung tersebut giat mengusahakan produk-produk mereka sendiri dalam sama-sama menjana kos sara diri yang semakin meningkat. Ada dua tiga buah keluarga yang mengusahakan membuat berbagai-bagai jenis kelupis seperti kelupis daun pandan dan kelupis berinti. Di samping itu juga tidak ketinggalan yang mengusahakan pembuatan keropok udang yang mana permintaannya begitu memberangsangkan. Sebelum ini, jelas beliau lagi, pembuatan gulana juga begitu giat diusahakan di Kampung Menunggol, tetapi memandangkan mereka yang mengusahakannya sudah menjamah usia emas maka ianya telah pupus begitu sahaja.



KELUPIS berjalin dan ketupat palas antara makanan tradisi yang tidak hilang oleh arus perubahan zaman, malahan masih menjadi kegemaran, khususnya penduduk dan masyarakat di Kampung Menunggol.

TEMPAT BERSEJARAH

Selain daripada mempunyai produk-produknya sendiri, Kampung Menunggol juga mempunyai tempat bersejarah yang menjadi tarikan orang ramai untuk berkunjung ke kampung berkenaan seperti Bukit Batu Bujang Pahang, Bukit Batu Bertingkat dan Bukit Batu Narkuning.

Menurut Awang Yussop bin Mohamad, pengunjung-pengunjungnya bukan sahaja terdiri daripada orang-orang tempatan malahan juga pelancong-pelancong dari luar negeri yang datang mendaki Bukit Batu Bujang Pahang. Apabila berada di puncaknya, ia akan menghidangkan panorama yang indah. Kelihatan sempadan di antara Brunei dengan Limbang, deretan gunung-ganang di negara Sabah dan hamparan rumah-rumah di sekitar Kampong Ayer yang menggamit hati para pendaki untuk berkunjung ke sana. Terdapat empat buah pondok kecil untuk para pendaki berehat. Menurut beliau lagi, dari penceritaan menyatakan Bukit Batu Bujang Pahang pernah dijadikan tempat penggalian arang batu di zaman dahulu.

Tempat-tempat bersejarah ini perlu dikekalkan dan dipelihara oleh generasi hari ini dan generasi yang akan datang bukan hanya sebagai khazanah sejarah sebagai ristaan zaman-berzaman tetapi juga jika dikembangkan berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu destinasi pelancongan.



***BUKIT Batu Bujang Pahang yang terletak di Kampung Menunggol
berpotensi jadi tarikan pelancong.***



Perusahaan kraf tangan tempatan tarik perhatian negara luar

Rencana dan Foto: Ak. Jefferi Pg. Durahman

18 November 2017

KAMPUNG Lumut II yang mempunyai keluasan 11.95 kilometer persegi meliputi beberapa buah kampung iaitu Kampung Sungai Taring, Kampung Sungai Tali, Kampung Sungai Kayu Ara, Perumahan Rancangan Perumahan Negara Lumut II dan Kem Batalion Ke-3, Tentera Darat Diraja Brunei, Lumut II.

Kampung Lumut II mempunyai bilangan penduduk sejumlah 5,112 yang terdiri daripada lelaki 2,315 dan perempuan 2,797. Kampung tersebut juga telah menubuhkan Majlis Perundingan Kampungnya sendiri yang dikenali sebagai MPK Lumut II yang begitu giat mengeluarkan produk-produk berupa kraf tangan seperti tongkat, parang, penggantung kunci dan cincin. Salah seorang ahli MPK Lumut II yang begitu aktif menghasilkan kraf tangan tempatan ialah seorang warga emas, iaitu Awang Haji Ishak bin Kassim.

Beliau mula berkecimpung dalam pembuatan kraf tangan sejak tahun 1999 sebaik sahaja bersara dari berkhidmat dengan Syarikat Minyak Shell Brunei Sdn. Bhd. Walaupun tidak menghadiri mana-mana kursus dalam pembuatan kraf tangan namun kebolehan Awang Haji Ishak dalam pembuatan kraf tangan memang tidak dapat dipertikaikan apatah lagi apabila melihat hasil kraf tangan beliau yang begitu halus dan begitu sempurna dengan seni lorekan yang begitu unik.

Menyentuh mengenai dengan pemilihan kayu pula, ia berdasarkan kepada jenis kayu yang berkualiti. “Biasanya jika jenis kayu tersebut adalah kayu yang tidak begitu keras maka pembuatan dalam menghasilkan satu tongkat tersebut mengambil masa dalam satu hari, dan ini juga tertakluk kepada ukiran dan reka bentuk yang dihasilkan dan jika tongkat yang dibuat cuma berupa rekaan biasa maka ia dapat dihasilkan dalam tiga ke empat batang tongkat,” jelasnya.

Selain sering menyertai ekspo di dalam negeri, Awang Haji Ishak juga pernah menyertai ekspo di luar negara antaranya pada tahun 2010 di Shanghai, China yang ditaja oleh BEDB. Selain itu juga, pernah mewakili negara ke beberapa buah negara lainnya dan juga Asian. Menurut Awang Haji Ishak semasa berada di Shanghai, sambutannya amat memberangsangkan di mana dalam masa dua hari sahaja produk yang dibawa habis dijual.



AWANG Haji Ishak bin Kassim semasa menyertai ekspo Satu Kampung Satu Produk bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas baru-baru ini.

Selain mengikuti ekspo, di hari-hari biasa, Awang Haji Ishak juga turut mengikuti jualan Bandarku Ceria yang diadakan di Daerah Belait selain menjualnya di rumah. Produk kraf tangan seperti tongkat yang dihasilkan oleh beliau bukan sekadar diminati oleh orang-orang tempatan sahaja bahkan juga ada menerima tempahan dari luar negara.

Ini membuktikan bahawa kraf tangan tempatan kitani bukan hanya dikenali di negara sendiri malahan ia turut mendapat sambutan dari negara luar.

Menurut Awang Haji Ishak, permintaan pembuatan tongkat cukup tinggi hingga mencapai kepada 1,000 batang ke atas. Awang Haji Ishak terpaksa menolak permintaan tersebut memandangkan bahan yang diperlukan bukanlah begitu mudah untuk diperolehi terutamanya dari segi kayu yang menghendaki Awang Haji Ishak untuk membeli daripada penjual yang lain bahkan ada sesetengah kayu tersebut terpaksa ditempah dari negara luar seperti Kayu Naga Sari yang cuma diperolehi di Indonesia dan tentunya memerlukan modal yang besar untuk mendapatkannya.



KRAF tangan berupa keychain rekaan beliau dari pelbagai jenis kayu yang mempunyai khasiatnya tersendiri.



KRAF tangan berupa tongkat pelbagai bentuk dan ukiran hasil sentuhan Awang Haji Ishak sendiri yang juga merupakan produk bagi Kampung Lumut II.

“Sejak melibatkan diri dalam hasil kraf tangan hingga kini sudah banyak hasil koleksi yang saya hasilkan, memandangkan dalam setahun sahaja saya berupaya menghasilkan kira-kira 600 batang tongkat,” ujar Awang Haji Ishak.

Namun kini tambahanya, ia sedikit berkurangan memandangkan kayu-kayu yang diperlukan begitu susah untuk diperolehi. Mengakhiri temu bual tersebut, Awang Haji Ishak berharap agar pihak-pihak tertentu akan dapat memberikan lebih banyak lagi pendedahan hasil-hasil produk tempatan dengan sering kali mengadakan ekspo seperti baru-baru ini berlangsungnya Ekspo Satu Kampung Satu Produk. Di samping itu, penglibatan beberapa buah perhotelan dan agensi-agensi pelancongan akan dapat membawa pelancong-pelancong luar negara mengunjungi ekspo seperti ini dalam sama-sama membantu meningkatkan ekonomi negara dan dalam masa yang sama telah mengharumkan nama Kampung Lumut II di dalam dan luar negara.

*D
i
s
e
m
b
e
r*

Kampung Pelambayan hasilkan pelbagai produk kampung

Rencana dan Foto: Noriah Haji Abdul Hamid

2 Disember 2017

KALI ini Pelita Brunei berpeluang berkunjung ke Kampung Pelambayan yang terletak 7 kilometer dari Bandar Seri Begawan di bawah pentadbiran Mukim Kota Batu. Untuk sampai ke kampung ini hanyalah memakan masa kira-kira 15 minit sahaja dengan menggunakan kenderaan.

Kampung Pelambayan ditadbir oleh Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit sebagai Ketua Kampung sejak 1 Jun 2006.

Seramai 792 orang penduduk kampung bermastautin di kampung tersebut yang mempunyai keluasan 0.5924. Penduduk Kampung Pelambayan membina rumah-rumah di persisiran tebing Sungai Brunei dan sebahagiannya lagi di kawasan darat yang dipisahkan oleh Jalan Kota Batu.

Menurut cerita yang dituturkan, nama asal kampung ini adalah dari perkataan ‘melimbai’ yang bermaksud sebuah perahu apabila dikayuh, sama ada pada waktu air pasang atau surut maka perahu itu akan melimbai ke tepi disebabkan oleh hambatan air yang deras.

Penduduk kampung yang tinggal di persisiran Sungai Brunei ketika mudik dan hilir dari bandar, perahu yang mereka naiki akan melimbai ke siring apabila menempuh arus yang kuat.

Dari kejadian tersebut, maka terungkaplah perkataan ‘Pelambaian’ dan akhirnya kampung tersebut digelar sebagai Kampung Pelambayan.

Produk Kampung Pelambayan melalui Majlis Perundingan Kampung berkenaan memainkan peranan aktif dalam menggerakkan program-program dalam bidang perekonomian untuk mendukung merealisasikan ‘Satu Kampung Satu Produk’. Sebagai badan pergerakan akar umbi dan kemasyarakatan, MPK Pelambayan sebagai pendukung dan tonggak pada institusi ini telah dapat merangsang ke arah usaha-usaha menjana perekonomian kampung.



MENURUT Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit, pasukan hadrah ini sering mendapat undangan untuk majlis-majlis perkahwinan dan tidak ketinggalan acara-acara keraian negara. Ujar beliau lagi, harga yang dikenakan bagi Perkhidmatan Hadrah adalah sebanyak BND200.

Antara produk yang giat diusahakan oleh Kampung Pelambayan ialah Perkhidmatan Hadrah. Pasukan Hadrah MPK Pelambayan dianggotai oleh belia-belia seramai 20 orang dan ditubuhkan pada 1 Oktober 2010. Menurut Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit, pasukan hadrah ini sering mendapat undangan untuk majlis-majlis perkahwinan dan tidak ketinggalan acara-acara keraian negara. Ujar beliau lagi, harga yang dikenakan bagi Perkhidmatan Hadrah adalah sebanyak BND200.00. Di samping itu, pasukan ini juga menyediakan Perkhidmatan Mengangkat Gangsa Menghantar Berian dan Mas Kahwin dengan bayaran yang sama.

Di samping itu juga, penduduk di kampung ini giat mengusahakan pembuatan pelbagai jenis kuih-muih tradisional dan moden yang diusahakan oleh orang-orang persendirian seperti kuih kusui, tart, kuih penyaram, pulut panggang, karipap dan tapai. Kuih-muih tersebut mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada banyaknya tempahan orang ramai lebih-lebih lagi di zaman serba canggih ini perniagaan melalui dalam talian menyumbang pada memudahkan sistem jual beli di antara peniaga dan pelanggan.



***PENDUDUK** Kampung Pelambayan ini juga giat mengusahakan pembuatan pelbagai jenis kuih-muih tradisional dan moden.*

Kampung Pelambayan juga melahirkan beberapa pengusaha yang berjaya dalam pembuatan keropok ikan, keropok sotong dan lain-lain yang diusahakan oleh Syarikat Haji Nokman bin Pengarah Haji Basi dan Anak-Anak. Produk-produk syarikat tersebut banyak didapati dipasarkan dalam pasar raya dan kedai-kedai, bukan sahaja di Daerah Brunei dan Muara, malah di daerah-daerah yang lain.

PENUTUP

Kejayaan, kemajuan dan kecemerlangan sesebuah kampung terletak pada sejauh mana kepimpinan kampung itu sendiri. Jika kepimpinan itu baik dan maju pasti kesannya juga akan membuahkan kebaikan dan kemajuan. Amalan kerjasama, semangat bergotong-royong dan berinisiatif adalah menjadi amalan penduduk Kampung Pelambayan dan setentunya melahirkan masyarakat yang harmoni serta bersatu padu, kreatif juga produktif.

Mi kuning dan mi kering bantu jana pendapatan penduduk Kampung Senukoh

Oleh: Hezlinawati Haji Abdul. Karim
Foto: Hezlinawati Haji Abdul. Karim dan
Ihsan Jabatan Daerah Temburong

16 Disember 2017

KAMPUNG Senukoh, terletak lebih 20 kilometer dari Pekan Bangar, merupakan salah sebuah kampung dari tiga buah kampung di bawah Mukim Labu. Dipimpin oleh Ketua Kampung berkenaan, iaitu Awang Yusof bin Haji Maidin sejak bulan Julai 2013, Kampung Senukoh didiami oleh dua kelompok masyarakat, iaitu masyarakat Melayu Kedayan dan masyarakat Murut, di mana majoriti penduduknya beragama Islam.

Meskipun terletak di pedalaman, para penduduk Kampung Senukoh tidak ketinggalan dalam memajukan kampung tersebut dan menyahut seruan kerajaan bagi menjayakan program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

SEJARAH AWAL

Pada awal tahun 2008, beberapa ahli Majlis Perundingan Kampung Senukoh membuat lawatan sambil belajar ke beberapa buah perusahaan. Susulan dari lawatan tersebut maka MPK Senukoh bersetuju mengusahakan pembuatan mi kuning basah sebagai produk pilihan di bawah program 1K1P yang diusahakan sepenuhnya oleh golongan wanita di kampung berkenaan.

Selain menjayakan program 1K1P, perusahaan tersebut juga bertujuan untuk meningkatkan sumber ekonomi Kampung Senukoh dan untuk menghasilkan produk makanan kegemaran penduduk tempatan, di samping dapat memberikan sumber pendapatan yang baharu kepada penduduk kampung.

Pengendalian projek bermula pada 20 November 2008, di mana sebagai permulaan mesin membuat mi hasil bantuan peruntukan dari KHEDN bagi membantu Biro Wanita MPK Senukoh mengendalikan produk berkenaan.

Manakala sebuah pondok dibina di kawasan Balai Raya Orang Kaya Sura Haji Tuba bagi memudahkan ahli-ahli mengusahakan pembuatan mi kuning basah. Pada peringkat permulaan, projek ini hanya menghasilkan mi kuning basah yang dinamakan Mee Kuning Senukoh.



TUNJUK cara proses pembuatan Mee Kuning Basah Kampung Senukoh semasa lawatan dari pelbagai agensi ke kampung berkenaan (atas dan bawah).





MEE Kering Senukoh dan Mee Kuning Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Senukoh (kiri dan kanan).

PEMASARAN

Sejak projek dilaksanakan, MPK Senukoh telah berjaya membekalkan hasil produk mi kuning kepada penduduk setempat, kedai-kedai runcit dan pengusaha restoran di Daerah Temburong. Selain itu, mereka juga menerima tempahan dari luar daerah dengan menyertai ekspo-ekspo dan bazar sebagai salah satu platform untuk mempromosi produk kampung berkenaan. MPK Senukoh juga menerima tempahan secara terus oleh individu atau kumpulan untuk dijadikan cenderahati.

Pada tahun 2010, MPK Senukoh berjaya mengeluarkan satu lagi produk, iaitu Mee Kering Senukoh sebagai produk kedua, yang mana aliran daripada mi kuning basah yang terus dihasilkan sehingga hari ini.

Produk ini juga mendapat sambutan menggalakkan dan tempahan dari Royal Brunei Catering (RBC). MPK Senukoh berhasrat untuk memperluaskan lagi pasaran produk mereka baik di dalam mahupun luar daerah. Adalah diharapkan dengan perusahaan-perusahaan secara kecil-kecilan seperti itu akan dapat membantu para penduduk yang terlibat ke arah meningkatkan pendapatan sampingan masing-masing dan seterusnya memperkenalkan lagi nama Kampung Senukoh ke peringkat negara.